

# MEMPERKASA KEMAMPUAN OPERASI JAMBATAN TENTERA DARAT



Oleh Lt Kol Mohd Nordin bin T P Kunjipathy

"Bridges are always central features in war. Battles and campaigns are often decided by who holds the bridge, or seizes the bridge,

Stephen E. Ambrose<sup>1</sup>

## PENGENALAN

Operasi jambatan (*bridging operations*) begitu sinonim dengan askar Jurutera. Para Sapper dituntut untuk mampu membina jambatan gantian atau rakit-rakit di zon pertempuran bagi menggantikan jambatan yang dimusnahkan musuh atau pasukan sendiri. Begitu juga di zon belakang tempur atau di zon *Line of Communication (L of C)*, mereka juga perlu membina jambatan yang mungkin telah dimusnahkan kerana dibom musuh. Di waktu aman pula, aset jambatan tentera juga kerap kali diperlukan oleh pihak awam untuk menggantikan sementara jambatan yang musnah atau rosak akibat bencana alam.

Artikel ini menyentuh sistem aset jambatan tentera. Satu perbincangan tentang keperluan sistem jambatan untuk membantu Tentera Darat (TD) masa kini dan masa akan datang bagi melunaskan misi-misi operasi akan disajikan. Peralatan sedia ada dan peralatan dirancang masuk ke dalam inventori TD serta lain-lain produk dalam kategori yang sama akan dianalisis kemampuan dan limitasinya. Langkah mempertingkatkan kemampuan operasi jambatan TD akan turut disentuh.

## IMBASAN OPERASI JAMBATAN

Peri mustahak misi-misi pembinaan jambatan sewaktu perang tidak memerlukan justifikasi. Dalam tahun 1947, Field Marshal Montgomery pernah menulis, "... bailey bridging made an immense contribution towards final victory in World War II. As far as my operations were concerned, with 8<sup>th</sup> Army in Italy and with the 21<sup>st</sup> Army Group in NW Europe, I could never have maintained the speed and tempo of forward movement without large supplies of bailey bridging...."<sup>2</sup>. Jambatan bailey<sup>3</sup> telah dinobatkan kerana jambatan ini merupakan satu-satunya jambatan peralatan<sup>4</sup> yang ada dalam inventori perang ketika itu. Setelah lebih 5 dekad, pelbagai jenis jambatan baru telah dicipta-reka dan apa yang menarik, perkara asas dan prinsip bailey telah melahirkan produk versi baru yang lebih robust dan versatil.

Selepas Peperangan Dunia Ke-2, operasi jambatan yang tersohor berlaku di Balkan dan

<sup>3</sup> Jambatan ini direka oleh Sir Donald Coleman Bailey (1901-1985) dalam tahun 1940. Produksi bermula pada Jul 1941 dan dibekalkan kepada terup pada Dis 1941. Sepanjang *Italian Campaign* (1943-1945) sahaja, sebanyak 2,500 buah jambatan telah dibina dan 1,500 buah dibina semasa gerak mara ke Eropah mulai tahun 1944 sehingga tamatnya Peperangan Dunia Ke-2.


<sup>4</sup> Jambatan Peralatan (*equipment bridge*) adalah istilah yang digunakan untuk menerangkan sistem jambatan standard di pasaran. Jambatan ini lazimnya direka dengan sifat-sifat: - (1) mudah ditransportasi, (2) mudah dibina, dan (3) mudah dibuka dan dibina semula. Jambatan Peralatan adalah berbeza sama sekali dengan Jambatan Rekaan (*Improvised Bridge*) atau *Non-standard Bridge*, istilah yang digunakan untuk menerangkan tentang jambatan yang dibina untuk jurang tertentu menggunakan material sedia ada seperti kayu, *log*, *steel girder*, dll).

<sup>1</sup> Ambrose, Stephen, *Pegasus Bridge*, Simon & Schuster Inc., New York, p. 10.

<sup>2</sup> Hamilton Nigel (1986), *Monty, The Field Marshall (1944-1976)*, Hambat Hamilton, London, p. 76.

dalam OPERATION IRAQI FREEDOM. Kesulitan menyeberangi Sungai Sava berdekatan Zupanja, Croatia pada 31 Dis 1995 telah mendapat liputan besar di dada akhbar seluruh dunia. Operasi menyeberangi Sungai Sava selebar 600 meter yang diklasifikasikan sebagai operasi jambatan di zon L of C telah melakar sejarah sebagai operasi jambatan terbesar semenjak Perang Dunia Ke-2<sup>5</sup>.

Di Iraq tidak kurang gahnya. Operasi menyeberangi jurang yang agak klasik adalah operasi di Sungai Tigris, Sungai Euphrates dan Saddam Canal<sup>6</sup>. Jambatan pontun jenis *ribbon*<sup>7</sup> telah dibina di zon belakang tempur dan jambatan *Medium Girder Bridge* (MGB) pula dibina merentasi struktur binaan jambatan konkrit yang terputus dan musnah<sup>8</sup>. Kenderaan *Armored Vehicle Launched Bridge* (AVLB) pula diaturgerak merentasi batang-batang saluran paip minyak di laluan-laluan kritikal kenderaan tentera<sup>9</sup>. Jelasnya, misi-misi jambatan di Balkan dan Iraq membentarkan kenyataan bahawa keupayaan pembinaan jambatan tentera merupakan faktor kritikal dalam mencapai misi operasi. Ini terus mengesahkan bahawa jambatan merupakan *enabler* utama di masa depan guna melancarkan pergerakan pasukan sendiri di medan pertempuran darat.



**OPERATION IRAQI FREEDOM**  
Jambatan Compact Bailey merentangi Sg Tigris, Iraq yang dibina Tentera Bersekutu

Di Malaysia pula, misi-misi pembinaan jambatan oleh pihak tentera melakarkan sejarahnya yang tersendiri. Dalam EX FIRST STRIKE 1/2006, pasukan Skn Jambatan RAJD telah berjaya membina secara nyata sebuah jambatan pontun yang terpanjang pernah dibina dalam eksesais mahupun dalam operasi TD. Pembinaan jambatan pontun sepanjang 127 m merentangi Sg Berang, Terengganu telah mengambil masa lebih kurang 16 jam (4 jam siang dan 12 jam malam). Sungguhpun begitu, kejayaan ini tidak sama sekali memadamkan rekod kejayaan paling klasik dan nostalgik, yakni semasa tragedi banjir besar tahun 1971. Ketika itu, kehebatan para Sapper terserlah apabila mampu membina sebuah jambatan bailey sepanjang 313 kaki (lebih kurang 100 m) merentasi Sungai Pahang bagi menggantikan jambatan asal yang roboh akibat banjir.

## SISTEM JAMBATAN TD

Keperluan satu-satu sistem jambatan TD wajib menjurus kepada peranan yang dimainkan oleh




**OPERATION IRAQI FREEDOM**  
Jambatan US Ribbon Bridge di Sungai Sava, Zupanja, Croatia pada 31 Dis 1995

<sup>5</sup> Maj David L. Treleaven, "Engineers in Bosnia: An Overview," US Army Engineer School Publications Production Division, Mac 1996.

<sup>6</sup> Lt Col Ed Jackson, "A Multifunctional Engineer Battalion," *Engineering The Professional Bulletin of Army Engineers* Vol 34 (Jan – Mac 2004), pp. 43.

<sup>7</sup> Fulvio Bianchi, "Assault Bridges and Bridgelayers," *Military Technology - MILTECH* (3-4/2004), p. 81.

TD. Bagi TD Malaysia misalnya, TD berperanan "... memberi bantuan ketumbukan darat untuk mempertahankan kedaulatan Malaysia. Walau bagaimanapun, TD juga dipertanggungjawab dalam tugas-tugas sekunder dan berperanan tambahan semasa aman, konflik dan semasa perang .... Sewaktu aman, TD akan membantu pihak berkuasa awam semasa kecemasan/bencana alam dan projek-projek pembangunan negara"<sup>10</sup>. Berdasarkan peranan ini, RAJD sebagai sebuah pasukan bantuan tempur TD telah dipiagam untuk berperanan yang sama, dengan dipertanggungjawabkan dalam tugas utama, "membantu TD untuk bertempur, bergerak dan hidup"<sup>11</sup>. Sewaktu aman pula, RAJD diberi tugasan sekunder yang tidak kurang penting untuk membantu dalam pembangunan negara serta "membantu pihak kuasa awam [semasa darurat dan bencana alam] dalam memulihkan perkhidmatan-perkhidmatan penting"<sup>12</sup>. Berasaskan kepada peranan-peranan tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa keperluan peralatan memfokuskan kepada dua misi teras, iaitu **mempertahankan daratan Malaysia, dan membantu pihak berkuasa awam semasa darurat dan bencana alam**. Justeru, mengambil petunjuk akan dua misi teras ini, sistem jambatan yang sesuai untuk TD mudah dikenal pasti.



*EKS FIRST STRIKE 1/2006 - Jambatan pontun TFB yang dibina oleh 4 Skn RAJD (Jbn) di Sg Berang, Terengganu*



*EKS FIRST STRIKE 1/2006 - Jambatan pontun TFB dalam proses pembinaan*

<sup>10</sup> Army Manual, *The Army (M1 TD), The Army in Military Operation*, Malaysian Army Training Command, Kuala Lumpur, 2004, p. 4-1.

<sup>11</sup> Army Manual, *Royal Engineers Regiment (MP 4.1.1)*, Malaysian Army Training Command, Kuala Lumpur, 2006 (Provisional), p. 1-1.

<sup>12</sup> Army Manual, *Royal Engineers Regiment (MP 4.1.1)*, p. 1-2.

Dalam menunjang teras kedua, misi bantuan kepada pihak berkuasa awam; TD juga haruslah bersedia untuk membantu dalam bencana alam seperti tebing/tanah runtuh, banjir dan lain-lain. Sebagai contoh, jambatan sedia ada di sepanjang lebuh raya Malaysia merupakan infrastruktur kritikal. Ketika bencana, pihak tentera mesti mampu membuka-semula laluan sekiranya jambatan ditutup atas sebab-sebab semula jadi atau gangguan manusia/musuh. Ketika berkenaan, dengan aset yang dipegangnya, pihak tentera boleh menghubungkan kembali jurang yang terputus supaya boleh direntas oleh kenderaan dan orang awam. Bantuan seumpama ini perlu disiapkan secepat yang boleh dan kadang kala peralatan yang dibina akan digunakan dalam waktu yang sedikit panjang<sup>13</sup>. Bagi membolehkan bantuan yang seumpamanya diberikan, sebaik-baiknya aset jambatan tentera boleh diaturgerak ke lokasi kejadian dengan pantas. Pentingnya, aset tentera boleh dijadikan galang-ganti mengantikan

<sup>13</sup> Captain Kevin A. Brooks, "Bridging Shortfall: Lines of Communication Bridging," US Army Engineer School Publications Production Division, March 1999, p. 56.

sementara infrastruktur kritikal seperti jambatan, atau jejambat yang musnah. Oleh itu, peralatan yang boleh mengaplikasikan keperluan pihak awam merupakan satu kelebihan apabila negara berhadapan dengan musibah atau bencana alam.

## KATEGORI DAN JENIS JAMBATAN

Doktrin menyeberangi jurang berair/lurah kering bagi sesebuah angkatan tentera mengklasifikasikan tiga kategori jambatan dalam inventornya. Setiap kategori jambatan dicipta-reka untuk diaturgerak bagi tugas-tugas menyeberang yang spesifik. Kategori peralatan yang dimaksudkan adalah: - (1) jambatan tempur, (2) jambatan bantuan am (*General Support Bridge – GSB*) atau juga popular dengan panggilan jambatan taktikal, dan (3) jambatan logistik (*logistic bridge*). Dengan menilai pasaran serta mengkaji-banding peralatan yang digunakan oleh TD masa kini; serta disokong doktrin TD<sup>14</sup>, ini akan membolehkan TD mengenal pasti aset untuk memperkasa operasi jambatan TD.

### Jambatan Tempur

Jambatan tempur merupakan jambatan barisan pertama yang didedikasikan kepada pasukan armor dan jurutera bagi mengekalkan mobiliti formasi. Kenderaan AVL<sup>15</sup> untuk Kor Armor dan *bridge-layer*<sup>16</sup> inventori pasukan Jurutera termasuk dalam kategori jambatan ini. Aset AVL<sup>17</sup> atau *bridge-layer* boleh membantu eselon tempur dengan efisien di zon pertempuran. Jambatan tempur berkapasiti MLC 60<sup>17</sup> dan boleh dilancar dan siap dalam masa 5 minit. Panjang maksimumnya tidak melebihi 20 m. AVL<sup>18</sup> dan *bridge-layer* menawarkan *rapid armored*

<sup>14</sup> Ketika ini TDM baru mengorak langkah untuk membangunkan Doktrin *River Crossing Operation*. Untuk tujuan latihan, RAJD telah membangun sebuah pamflet 'Jurutera Dalam Operasi Menyeberang Sungai (Sementara)' yang dikeluarkan oleh MK Pem RAJD PMTD Tahun 2006.

<sup>15</sup> Mengikut 'doktrin TD', AVL<sup>19</sup> diinventorikan kepada Rejimen Armor DiRaja.

<sup>16</sup> Perbezaan ketara antara AVL<sup>20</sup> yang dipegang oleh Kor Armor dan *bridge-layer* yang dalam inventori Kor Jurutera adalah terhadap *platform*. AVL<sup>21</sup> dibawa atas kenderaan beruntut, manakala *bridge-layer* dibawa atas kenderaan beroda.

<sup>17</sup> MLC merujuk kepada berat *tonnage* yang selamat ditanggung oleh jambatan dalam satu jangka masa yang sesuai. MLC 30 bermaksud kenderaan yang mempunyai berat sehingga 30 tons boleh merentasi jambatan tersebut.



AVLB di atas chassis kereta kebal Leopard



AVLB sedang dilancarkan

*bridging capability* untuk membantu kereta kebal dan kenderaan berantai bergerak semasa tahap serangan atau dalam misi mara untuk bertempur.

### Jambatan Bantuan Am/Jambatan Taktikal

GSB/Jambatan Taktikal lazimnya digunakan untuk pembinaan jambatan separuh kekal atau pembinaan kekal, di mana pergerakan kenderaan yang akan menyeberangnya adalah dirancang. Jambatan kategori ini selalunya dibina di tempat yang mempunyai rangkaian jalan yang sibuk bagi kegunaan kenderaan berantai dan beroda. Jambatan ini lazimnya ringan, mudah diangkut di atas kenderaan pengangkut yang didedikasikan kepadanya (*own-dedicated vehicle*). Jambatan ini boleh dibina dengan pantas menggunakan tangan dan dengan bantuan peralatan mekanikal yang minimum. Jambatan dalam kategori ini yang dipegang oleh TD adalah *single-span bridge* dan *floating bridge*.

**Tactical Single-span Bridge (TSSB)**<sup>18</sup> direka untuk digunakan di zon pertempuran. Jambatan ini sesuai digunakan untuk merentangi jurang berair atau kering. Semasa aman pula, jambatan ini juga boleh digunakan untuk jurang yang tidak melebihi 50 m di laluan perhubungan jalan raya awam yang terputus disebabkan oleh bencana alam<sup>19</sup>; sementara menunggu jambatan logistik atau jambatan yang lebih sesuai siap dibina oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) atau agensi-agensi kerajaan yang lain.

Sejenis lagi jambatan dalam inventori TD adalah **tactical floating bridge (TFB)**<sup>20</sup>. Jambatan *Pont Flottant Motorise* (PFM) buatan Perancis termasuk dalam kategori jambatan ini ia merupakan jambatan dwi-fungsi (jambatan dan rakit)<sup>21</sup>. Jambatan PFM ini menggunakan sistem *folding pontoon* yang boleh disambung untuk digunakan sebagai jambatan terapung (*floating bridge*)<sup>22</sup> atau sebagai rakit/feri<sup>23</sup>. Jambatan ini memiliki ciri-ciri yang lebih baik dari segi kos, ketahanan dan kos senggara yang rendah. Jambatan ini sesuai digunakan untuk merentasi lurah berair sahaja dengan kelebaran hingga 100 m/set atau jika kelebarannya melebihi 100 m, satu set aset ini boleh dijadikan 3 buah rakit tempur kelas berat (MLC 90). Pun begitu, sekiranya modul-modul tambahan boleh diadakan, panjang jambatan yang



Jambatan TSSB dari keluaran Bridge for Nineties (BR 90)

boleh dibina adalah tidak terhad dengan syarat tali penahanan (*anchorage*) perlu dipasang. Jambatan sepanjang 600 m yang dibina di Sungai Sava, Zupanja, Croatia pada 31 Dis 1995 merupakan contoh jambatan jenis ini.

Jambatan lain dalam kelompok yang sama adalah **MGB**<sup>24</sup>. Panjang standard sebuah set MGB adalah 45.7 m, dan 4 m lebar. Konfigurasi biasa menawarkan muatan berkapasiti MLC 60 merentangi jurang 30 m dengan masa pembinaan selama 2 jam oleh sebuah Tp Jurutera. Dengan pemasangan *link reinforcement* atau pemasangan *portable pier*, jambatan ini boleh disiapkan dalam waktu 4 jam. MGB telah diberi-nafas baru dengan diperlengkap dengan peralatan mekanikal *MACH set*<sup>25</sup>. Sebahagian angkatan tentera telah mengklasifikasi semula aset MGB sebagai jambatan logistik<sup>26</sup>. Pun begitu, tidak menjadi 'kesalahan' atau satu kekhilafan doktrin jika MGB diatur gerak di zon pertempuran dan digunakan sebagai jambatan GSB.

<sup>18</sup> Jambatan BR 90 (*bridging for nineties*) termasuk dalam kategori TSSB. BR 90 disebut-sebut sebagai satu keluaran peralatan menyeberang terkini yang dihasilkan oleh UK. Jambatan BR 90-single span boleh dibina sepanjang 52 meter pada keupayaan MLC 70. Setiap set jambatan boleh digunakan untuk pembinaan salah satu konfigurasi jambatan sepanjang :-(1) 16 m, atau (2) 32 m, atau (3) 38 m, atau (4) 44 m atau (5) 52 m. (Rujuk Pamflet Jurutera Dalam Operasi Menyeberang Sungai (*Sementara*), MK Pem RAJD PMTD Tahun 2006).

<sup>19</sup> Sebuah jambatan TSSB sepanjang lebih kurang 40 m telah dibina di Kg Tiroi, Seremban pada 4 Jan 2006 bagi menggantikan sementara jambatan konkrit yang musnah sama sekali akibat banjir. Ia dibina oleh pasukan 4 Skn RAJD (Jn), Kluang dan dibantu 9 Skn RAJD, Kem Terendak.

<sup>20</sup> Setiap set jambatan PFM 100 m panjang mengandungi komponen asas berikut:- (1) 3 x Standard PFM floating pontoons, (2) 2 x Standard PFM access ramps, (3) 6 x PFM SIR floating pontoons, dan (4) 11 x semi-trailer (transporters). (Rujuk Pamflet Jurutera Dalam Operasi Menyeberang Sungai (*Sementara*), MK Pem RAJD PMTD Tahun 2006).

<sup>21</sup> Setiap set PFM SIR 100 m panjang boleh dibentuk menjadi salah satu produk berikut:- (1) 3 x Rakit (MLC 90), atau (2) 2 x floating bridge (MLC 60) 50 m panjang, atau (3) 1 x floating bridge (MLC 70) 100 m panjang. (Rujuk Pamflet Jurutera Dalam Operasi Menyeberang Sungai (*Sementara*), MK Pem RAJD PMTD Tahun 2006).

<sup>22</sup> Kemampuan Jambatan – Kelas/ciri-ciri kenderaan yang boleh melalui jambatan adalah: - (1) MLC 70, (2) Kelajuan maksimum kenderaan: 25 km/j untuk kenderaan < 30, (3) Kelajuan minimum: 15 km/j untuk kenderaan > 30, (4) Kederasan arus air: 2.5 m/s, dan (5) Kemampuan trafik - 250 kenderaan sejam. (Rujuk Pamflet Jurutera Dalam Operasi Menyeberang Sungai (*Sementara*), MK Pem RAJD PMTD Tahun 2006).

<sup>23</sup> Kemampuan Feri:- (1) Jenis feri adalah 2 + 2, 3 + 2, 4 + 2, 5 + 2, (2) Kelajuan maksimum feri 4 + 2 dengan kelas muatan-60 dan kedalaman air > 4 m adalah 2.80 m/s, dan (3) Kelasakan feri dengan kapasiti 24-liter fuel tank, adalah > 1 jam. (Rujuk Pamflet Jurutera Dalam Operasi Menyeberang Sungai (*Sementara*), MK Pem RAJD PMTD Tahun 2006).

<sup>24</sup> MGB telah diinventorikan kepada RAJD pada penghujung tahun 70'an.

<sup>25</sup> Sistem MACH membolehkan MGB dibina oleh kekuatan sumber manusia yang minimum tanpa menambah masa pembinaan menggunakan kren. Pemasangan *link reinforcement* mampu meningkatkan MLC jambatan sepanjang 45.7m kepada MLC 60. *Reduced slope ramp* membolehkan kenderaan awam merentasi jambatan MGB.

<sup>26</sup> Bentuk rupa MGB adalah sama dengan TSSB/BR 90s. TSSB dikatakan hasil klonan MGB. Perbezaan ketara cuma terhadap kekuatan tenaga kerja pembinaan. TSSB hanya memerlukan seperempat tenaga kerja berbanding tenaga kerja MGB. Masa yang diambil untuk pembinaan juga amat pantas.



Medium Girder Bridge (MGB) yang diinventorikan kepada RAJD pada tahun 70an. Kini jambatan ini telah ditamatkan perkhidmatan

### Jambatan Logistik

Jambatan logistik jauh berbeza berbanding dua kategori jambatan yang dibincang awal. Berdasarkan doktrin, jambatan logistik dibina di zon *L of C*. Biasanya, jambatan di *L of C* bersifat kekal. Jambatan ini menawarkan *MLC* yang lebih besar dan akan digunakan lebih lama di satu-satu tempat. Jambatan ***Extra Wide Bailey Bridge, Compact Bailey*** dan ***ACROW Penal Bridge*** merupakan tiga versi yang dipertingkatkan daripada jambatan bailey asal. Sebuah jambatan standard mempunyai *MLC* 60 dengan rentang (span) sepanjang 48 m dan lebarnya 4.24 m.

### ANALISIS KAPABILITI DAN LIMITASI

Dalam mengenal pasti aset jambatan sementara kontemporari dan sesuai bagi TD, sifat-sifat asas sesuatu aset jambatan itu perlu menepati keperluan operasi ketenteraan, dan boleh digunakan semasa menghadapi bencana alam. Untuk kemaraan tentera, sifat-sifat peralatan yang diinventorikan perlulah *robust* diaturgerak ke kawasan yang diperlukan. Oleh demikian, aset jambatan yang boleh dipencarkan di seluruh pelosok negara dan produk bercirikan *highly mobile* serta lasak digerakkan di seluruh jajaran jalan raya di seluruh Malaysia perlu menjadi pilihan.

AVLB/*Bridge-layer* merupakan peralatan menyeberang yang baik. Walaupun begitu,

jambatan ini kurang sesuai untuk dilalui kenderaan jenis beroda kerana kedua-dua jenis jambatan ini tidak mempunyai panel lantai dan kurang kuasa cengkaman. Kekurangan ini menghadkan ia digunakan oleh kenderaan awam<sup>27</sup> kerana amat merbahaya. Satu lagi kelemahan jambatan jenis ini, sebaik dilancarkan; jambatan ini akan kekal di lokasi pembinaannya sehingga semua kenderaan melintasinya atau jambatan bantuan/jambatan logistik siap dibina; ataupun tempat menyeberang yang lain telah dibina. AVLB dan *bridge-layer* masih merupakan sistem jambatan yang cepat dibina di medan.

Jambatan *GSB/Taktikal* pula merupakan jambatan yang begitu popular dalam inventori mana-mana angkatan tentera. Jambatan kategori ini diinventorikan kepada Kor Jurutera. Melihat kepada bentuk rupa serta kemampuan jambatan, ia paling sesuai digunakan dalam tugas tempur mahupun diaturgerakan bagi kegunaan pihak awam. Kebaikannya, boleh memenuhi kedua-dua teras peranan TD, dan kedua-dua jambatan *TSSB* dan *TFB* yang dipegang oleh TD ketika ini boleh dikongsi-guna oleh pihak

<sup>27</sup> Jambatan AVLB/*bridge-layer* tidak direka untuk kegunaan awam dan tidak mempunyai value dalam membantu pihak berkuasa awam. Bentuk-rupa dan keupayaan aset ini hanya khusus untuk satu fungsi, yakni untuk tujuan digunakan di medan tempur. Walaupun tidak dinafikan, dalam situasi gawat ia masih boleh dideploy untuk merentangi jurang selebar 20 m dan kurang, ketiadaan komponen lantai menyebabkan ia tidak selamat dan tidak digalakkan untuk digunakan oleh pihak awam. (Sementara) yang dikeluarkan oleh MK Pem RAJD PMTD Tahun 2006.

awam dengan efektif. Menyentuh tentang jambatan *MGB* yang juga di dalam kategori *GSB*, TD pernah menginventori jambatan ini selama lebih suku abad. Dengan perolehan jambatan *TSSB* dan *PFM*, jambatan *MGB* telah ditamatkan perkhidmatan. Walaupun jambatan ini hanya mampu merentangi jurang selebar 46 m, *MGB* masih menduduki carta popular jambatan TD masa kini. Berdasarkan klasifikasi jambatan serta kemampuan yang boleh ditawarkan oleh aset ini, *MGB* juga sesuai memikul dua teras utama peranan TD/RAJD.

*MGB* mungkin tidak sebaik jambatan *TSSB* atau *TFB*. Ini memerlukan sumber manusia yang intensif, biasanya sekumpulan terup Jurutera. Namun, sistem *MACH* membolehkan produk perkhidmatan disiapkan dalam masa yang relatif sama dengan hanya satu seksyen anggota dibantu sebuah kren. Hasil inovasi produk, kini *MGB* telah menawarkan pengguna dengan pilihan tambahan. Berbekalkan *floating pontoon* yang boleh bertindak sebagai ‘*intermediate support*’, jambatan yang lebih panjang boleh dibina. Kelebihannya, *MGB* sekarang boleh juga berfungsi sebagai produk ‘2 dalam 1’, iaitu sebagai jambatan mahupun rakit. Jambatan yang dikenali *medium floating bridge* (*MFB*)<sup>28</sup> boleh dibina lebih panjang dengan menambah pontun daripada set *MFB* yang lain. Apa pun, *TFB* yang dipegang oleh TD sekarang dilihat sebagai produk dwi-fungsi yang paling baik dalam pasaran masa ini berbanding *MFB*.

Jambatan yang kurang diberi perhatian adalah jambatan logistik. Antara sebab fenomena ini adalah kerana TD merasakan jambatan *TFB* dan *TSSB* sudah memadai. Sebenarnya, jambatan yang juga dipanggil *panel bridging* ini merupakan aset yang paling baik dan amat sesuai untuk tugas ketenteraan dan tugas-tugas membantu pihak berkuasa awam. Reka bentuk dan aplikasinya menjurus kepada kegunaan awam. Masa pembinaannya adalah berganda panjang berbanding *TSSB* dan *MGB*. Walaupun lebih sukar dan memakan masa pembinaan, *panel bridge* mampu merentangi kebanyakan jurang di Malaysia<sup>29</sup>. Jasa *panel bridging* di

Malaysia amat besar. Antaranya, pembinaan Jambatan Bailey sepanjang 313 kaki (lebih kurang 100 m) di Temerloh dalam tahun 1970<sup>30</sup>, dan Jambatan Bailey di Silibukan, Sabah sepanjang 90 m dalam tahun 1972<sup>31</sup> merupakan pengalaman nostalgik yang terpahat dalam tinta sejarah TD. Sehingga kini, RAJD sering dipanggil oleh pihak berkuasa awam untuk membantu membina jambatan logistik khususnya semasa banjir. Malangnya, RAJD hanya memegang jambatan logistik dalam ‘kuantiti skala latihan’ sahaja. Disebabkan RAJD mempunyai kepakaran yang tinggi, pihak JKR telah memberi kepercayaan dengan meminjamkan jambatan baileynya semasa banjir kepada RAJD<sup>32</sup>. Sumbangan RAJD telah mendapat sanjungan tinggi oleh ramai pemimpin negara dan pihak istana.

## MEMPERTINGKAT KEMAMPUAN OPERASI JAMBATAN

Ekoran program mentransformasikan TD, kemampuan operasi berjambatan perlu turut mengalami perubahan. Bagi mendukung ciri-ciri *strategic mobility* yang ingin diterapkan dalam tubuh badan TD, aset-aset TD haruslah mudah ‘dipasang-tanggal’ dan boleh diangkut untuk dimuatkan menggunakan kapal atau diterbangkan ke kawasan operasi. Untuk kekal *tactically decisive*, TD perlulah dibekalkan dengan aset dalam peratusan siaga yang ditetapkan oleh TD. Oleh itu, sesuatu sistem jambatan, atau kombinasi sistem jambatan yang diperlukan oleh TD perlu boleh memenuhi keperluan berikut:- (1) sistem yang fleksibel semasa merespon sesuatu misi, (2) seboleh-bolehnya, komponennya boleh digunakan untuk mengganti bahagian-bahagian jambatan peralatan pegangan pihak awam, dan dalam masa yang sama, (3) memenuhi spesifikasi tentera.

<sup>30</sup> Pembinaan diselia oleh Major J A Coomb RE, Peg Pem 1 Skn RAJD. Pembinaan memakan masa selama 5 hari. Rujuk Artikel “Pengkisahan Jambatan Bailey”. Sapper – Majalah Rasmi RAJD Bil 3, Tahun 1998, p. 68.

<sup>31</sup> Jambatan ini dibina oleh pasukan 2 Skn RAJD. Rujuk Artikel “Pengkisahan Jambatan Bailey”. Sapper – Majalah Rasmi RAJD Bil 3, Tahun 1998, p. 68.

<sup>32</sup> Pasukan 8 Skn RAJD, Kluang, Johor telah membina 3 buah jambatan bailey semasa banjir di selatan tanah air. Butir-butir pembinaan adalah seperti berikut: - (1) Pembinaan Jambatan Bailey (kepunyaan RAJD) sepanjang 27 m di Blt 4, Jln Mersing, Johor pada 13 Jan 07, (2) Pembinaan Jambatan Bailey (kepunyaan JKR) sepanjang 84 m di Ulu Pengeli, Kluang, Johor pada 23 Jan 2007, dan (3) Pembinaan Jambatan Compact Bailey (kepunyaan RAJD) di Felda Selancar 1, Rompin, Pahang pada 22 Dis 2006.

<sup>28</sup> Satu set *Medium Floating Bridge* (*MFB*) boleh dijadikan 2 buah rakit berat atau sebuah jambatan sepanjang 85 m.

<sup>29</sup> Berdasarkan statistik jurang/jambatan, 75 % daripadanya berukuran di antara 15 m sehingga 50 m, manakala bakinya berukuran melebihi 50 m.

Dalam mempertimbangkan jenis dan keperluan jambatan untuk mendukung dua peranan teras yang dinyatakan, ketiga-tiga kategori jambatan yang dibincangkan amat menepati dan relevan untuk memperkasa TD. Di segi perspektif peralatan, *TSSB* dan *MGB* adalah mencukupi untuk digunakan merentangi jurang manakala *PFM* pula merupakan produk dwi-fungsi yang amat baik untuk jurang berair yang agak lebar. Kedua-dua sistem *GSB* bagi TD ketika ini boleh diklasifikasikan sebagai produk tercanggih di pasaran masa kini.

Berdasarkan analisis di atas, keutamaan perolehan aset jambatan TD wajar ditumpukan kepada jambatan *GSB* dan jambatan logistik. Selain ampuh di medan tempur, aset-aset ini boleh digunakan dalam membantu pihak berkuasa awam. Walaupun begitu, kuantiti/skala dalam inventori TD dan penempatannya perlu dikaji-ulang (re-visited) supaya aset jambatan tentera yang mahal harganya boleh ‘dikrimati’ bersama oleh rakyat. Perolehan jambatan *Extra-wide bailey bridge*, *Compact Bailey* atau *ACROW Panel Bridge* tidak bijak ditangguhkan atau diketepikan. Aset *TSSB/BR90*, *TFB* dan panel bridging wajar menjadi kemampuan teras (*core capability*) operasi jambatan pasukan Jurutera.

## PENUTUP

Kemampuan sesuatu sistem jambatan tentera perlu sesuai dengan keperluan tugas serta peranan TD. Doktrin operasi jambatan tidak hanya wajar berlandaskan kepada kegunaan peralatan untuk bertempur semata-mata, malah perlu diperluaskan ruang lingkupnya. Jambatan *TSSB* dan *TFB* yang telah diinventorikan kepada TD dan jambatan logistik yang didamkan oleh RAJD merupakan pilihan bijak dan bakal memperkasa kemampuan operasi jambatan TD dan apa yang lebih penting, ia memberi kemanfaatan kepada pihak berkuasa awam.

Analisis yang ditawarkan memperlihatkan bahawa TD sedang berada di landasannya. Walaupun begitu, untuk memperkasa operasi jambatan TD, kuantiti/skala peralatan TD perlu kajian lanjut. Langkah seterusnya adalah untuk memberi keutamaan terhadap perolehan aset jambatan logistik. Negara tidak akan rugi seandainya ATM mempunyai aset-aset jambatan yang banyak kerana akhirnya aset ini akan dikongsi-guna untuk rakyat Malaysia.

## BIBLIOGRAPHY

### BUKU/ARTIKEL/JURNAL

- Aadlanders, MGen Anders B. and James L. Allen. “*Engineer White Paper – Into the Objective Force,*” *Engineer – The Professional Bulletin of Army Engineers* Vol 32 (April 2002): 4-10.
- Ambrose, Stephen, *Pegasus Bridge*, Simon & Schuster Inc., New York, p. 10.
- Bianchi, Fulvio. “*Assault Bridges and Bridgelayers.*” *Military Technology - MILTECH* (3-4/2004): 76-84.
- Gourley, Scott. “*The US Marine Corps in Iraq: Close Combat.*” *Janes Defense Weekly* Vol 41, No 4 (28 Jan 2004): 27-30.
- Hamilton Nigel (1986), *Monty, The Field Marshall (1944-1976)*, Hambat Hamilton, London.
- Jackson, LCol Ed. “*A Multifunctional Engineer Battalion.*” *Engineer - The Professional Bulletin of Army Engineers* Vol 34 (Jan – Mac 2004): 42-45.
- Kevin A, Captain. Brooks, “*Bridging Shortfall: Lines of Communication Bridging,*” *US Army Engineer School Publications Production Division*, March 1999.

Dalam mempertimbangkan jenis dan keperluan jambatan untuk mendukung dua peranan teras yang dinyatakan, ketiga-tiga kategori jambatan yang dibincangkan amat menepati dan relevan untuk memperkasa TD. Di segi perspektif peralatan, *TSSB* dan *MGB* adalah mencukupi untuk digunakan merentangi jurang manakala *PFM* pula merupakan produk dwi-fungsi yang amat baik untuk jurang berair yang agak lebar. Kedua-dua sistem *GSB* bagi TD ketika ini boleh diklasifikasikan sebagai produk tercanggih di pasaran masa kini.

Berdasarkan analisis di atas, keutamaan perolehan aset jambatan TD wajar ditumpukan kepada jambatan *GSB* dan jambatan logistik. Selain ampuh di medan tempur, aset-aset ini boleh digunakan dalam membantu pihak berkuasa awam. Walaupun begitu, kuantiti/skala dalam inventori TD dan penempatannya perlu dikaji-ulang (re-visited) supaya aset jambatan tentera yang mahal harganya boleh ‘dinkmati’ bersama oleh rakyat. Perolehan jambatan *Extra-wide bailey bridge*, *Compact Bailey* atau *ACROW Panel Bridge* tidak bijak ditangguhkan atau diketepikan. Aset *TSSB/BR90*, *TFB* dan panel bridging wajar menjadi kemampuan teras (*core capability*) operasi jambatan pasukan Jurutera.

## PENUTUP

Kemampuan sesuatu sistem jambatan tentera perlu sesuai dengan keperluan tugas serta peranan TD. Doktrin operasi jambatan tidak hanya wajar berlandaskan kepada kegunaan peralatan untuk bertempur semata-mata, malah perlu diperluaskan ruang lingkupnya. Jambatan *TSSB* dan *TFB* yang telah diinventorikan kepada TD dan jambatan logistik yang diidamkan oleh RAJD merupakan pilihan bijak dan bakal memperkasa kemampuan operasi jambatan TD dan apa yang lebih penting, ia memberi kemanfaatan kepada pihak berkuasa awam.

Analisis yang ditawarkan memperlihatkan bahawa TD sedang berada di landasannya. Walaupun begitu, untuk memperkasa operasi jambatan TD, kuantiti/skala peralatan TD perlu kajian lanjut. Langkah seterusnya adalah untuk memberi keutamaan terhadap perolehan aset jambatan logistik. Negara tidak akan rugi seandainya ATM mempunyai aset-aset jambatan yang banyak kerana akhirnya aset ini akan dikongsi-guna untuk rakyat Malaysia.

## BIBLIOGRAPHY

### BUKU/ARTIKEL/JURNAL

- Aadlanders, MGen Anders B. and James L. Allen. “*Engineer White Paper – Into the Objective Force*,” *Engineer – The Professional Bulletin of Army Engineers* Vol 32 (April 2002): 4-10.
- Ambrose, Stephen, *Pegasus Bridge*, Simon & Schuster Inc., New York, p. 10.
- Bianchi, Fulvio. “*Assault Bridges and Bridgelayers*.” *Military Technology - MILTECH* (3-4/2004): 76-84.
- Gourley, Scott. “*The US Marine Corps in Iraq: Close Combat*.” *Janes Defense Weekly* Vol 41, No 4 (28 Jan 2004): 27-30.
- Hamilton Nigel (1986), *Monty, The Field Marshall (1944-1976)*, Hambat Hamilton, London.
- Jackson, LCol Ed. “*A Multifunctional Engineer Battalion*.” *Engineer - The Professional Bulletin of Army Engineers* Vol 34 (Jan – Mac 2004): 42-45.
- Kevin A, Captain. Brooks, “*Bridging Shortfall: Lines of Communication Bridging*,” *US Army Engineer School Publications Production Division*, March 1999.

Mohd Nordin TPK. "Pengisahan Jambatan Bailey". Sapper – Majalah Rasmi RAJD Bil 3, Tahun 1998, pp. 66-69.

Mohd Nordin TPK. "Folding Float Bridge atau Self-propelled Motorised Pontoon : Mana Satu Pilihan Terbaik ? ". Sapper – Majalah Rasmi RAJD Bil 4, Tahun 2000, pp. 153-161.

Treleaven, Maj David L. "Engineers in Bosnia: An Overview." US Army Engineer School Publications Production Division. March 1996.

## PHAMPLET

*Army Manual, The Army (M1 TD), The Army in Military Operation, Malaysian Army Training Command, Kuala Lumpur, 2004.*

*Army Manual, Royal Engineers Regiment (MP 4.1.1), Malaysian Army Training Command, Kuala Lumpur.*

*Jurutera Dalam Operasi Menyeberang Sungai (Sementara)', MK Pem RAJD PMTD Tahun 2006.*



Lt Kol Mohd Nordin bin T P Kunjipathy telah ditauliahkan ke dalam Rejimen Askar Jurutera DiRaja pada 21 Jan 1981. Beliau berkelulusan Sarjana Pengurusan dari Universiti Malaya (1995), Maktab Pertahanan Angkatan Tentera/ Sarjana Sastera (Kajian Pertahanan) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (2003). Kini beliau menjawat jawatan PS 1 Sumber Manusia di Jabatan Arah Jurutera, Markas Tentera Darat.

# MARKSMAN SASARAN TENTERA DARAT MALAYSIA



Oleh Mej Christopher Ignetus Choong

## PENDAHULUAN

Konsep *Marksman* yang ingin diterapkan ini adalah sebahagian daripada budaya sesebuah organisasi dan ditujukan untuk meningkatkan keupayaan Tentera Darat untuk menjadi sebuah organisasi yang berkesan dan cekap. Konsep ini adalah idea Yang Berbahagia Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato Sri' Abdul Aziz Zainal di dalam bukunya, "Marksman, A Target for the Malaysian Army."<sup>1</sup> Idea konsep ini adalah untuk menyuburkan semula nilai-nilai utama Tentera Darat dan pelaksanaannya di dalam tugas harian seseorang individu dan juga organisasi. Konsep *Marksman* pada keseluruhannya adalah untuk membina individu-individu untuk menjadi anggota tentera yang profesional yang mana seterusnya akan membangunkan organisasinya dan membawa kegemilangan kepada Tentera Darat amnya.

Budaya *Marksman* adalah bertujuan untuk menyuburkan semula nilai-nilai utama Tentera Darat Malaysia dan pelaksanaannya di dalam tugas harian seseorang individu serta organisasi. Perlu difahami bahawa budaya *Marksman* terjadi dari profesionalisma ketenteraan individu dan ini akan secara tidak langsung membawa kepada organisasi *Marksman*. Proses pertukaran untuk menjadi "organisasi *Marksman*" tidak boleh dilakukan secara mendadak, tetapi ia akan menjadi pemangkin kepada pencapaian kecekapan menerusi satu proses sistematik dan dinamik.

## TUJUAN

Tujuan ulasan buku ini adalah untuk mendedahkan konsep *Marksman* sebagai teras kepada pengurusan harian TD pada masa kini.

<sup>1</sup> Jen Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz Zainal, Marksman, A Target for the Malaysian Army, National Library Malaysia, 2006.

## SKOP

Ulasan buku ini akan meliputi perkara-perkara berikut:

- Definisi.
- Proses.
- Ciri-ciri.
- Prinsip-prinsip.
- Implimentasi Rancangan.
- Pendekatan Pengurusan.

## DEFINISI

*Marksman* adalah istilah yang biasa digunakan di dalam konteks tentera, yang mana bermaksud seorang anggota tentera yang terlatih untuk menembak dengan tepat menggunakan senjata. Tentera Darat Malaysia menggunakan istilah *Marksman* sebagai merujuk kepada menghasilkan seorang soldadu yang telah mencapai tahap profesionalisma ketenteraan dan individu yang tinggi. Untuk itu ia mesti diterapkan sebagai sebahagian budaya organisasi dan ditujukan untuk meningkatkan keupayaan Tentera Darat untuk menjadi sebuah organisasi yang berkesan dan cekap. Organisasi yang berkesan dan cekap bermula dengan sumber manusia, yang mana merupakan aset terpenting sesebuah organisasi. Tentera Darat Malaysia ingin melihat *Marksman* dari sudut pandangan yang lebih luas, bukan sahaja merujuk kepada soldadu-soldadu yang mahir mengendalikan senjata tetapi juga pakar melaksanakan fungsi dan ketukangan mereka masing-masing.

"Apakah itu budaya *Marksman*?" Secara amnya, budaya adalah cara orang perseorangan melakukan sesuatu di dalam sebuah organisasi. Ia merangkumi kepercayaan, nilai-nilai utama, sikap dan cara orang perseorangan berkelakuan di dalam sebuah organisasi. Ini adalah elemen-elemen yang mempengaruhi pelaksanaan sebuah organisasi dan penentu sama ada organisasi tersebut akan masih wujud semasa berhadapan dengan perubahan, keadaan huru-hara dan cabaran persekitaran. Di dalam era globalisasi dan masyarakat tanpa batasan, adalah menjadi penting untuk menilai persekitaran yang kian mencabar dan membangunkan semula satu strategi untuk menggalakkan kecekapan modal insan di dalam organisasi untuk menyesuaikan diri kepada perubahan tersebut. Pada masa yang sama, pelaksanaan tugas yang unggul di dalam organisasi oleh orang perseorangan akan menyumbang kepada keberkesanan organisasi tersebut. Oleh sebab itulah budaya *Marksman* ini diperkenalkan.

## PROSES

Proses ini bermula dengan memberikan pengetahuan, kepakaran dan pengalaman yang diperlukan untuk membentuk setiap individu menjadi seorang anggota tentera profesional. Seorang soldadu dilatih bukan sahaja untuk melaksanakan fungsi utamanya tetapi juga tugas-tugas sekunder yang mempelbagaikan keupayaan mereka. Proses ini tidak terhenti pada tahap *Marksman* individu, ia lebih dari itu, ia berterusan kepada melaksanakan dua tugas utama Tentera Darat Malaysia. Iaitu untuk mempertahankan kedaulatan negara dan kepentingannya daripada ancaman luar dan untuk melindungi masyarakat daripada apa jua ancaman dalam negara. Oleh itu, konsep *Marksman* adalah untuk membina individu-individu untuk menjadi anggota tentera yang profesional yang akan berkhidmat kepada masyarakat dan negara.

Implimentasi budaya *Marksman* bermaksud untuk mencapai perkara-perkara berikut:

- \* Membantu perkembangan rancangan Tentera Darat di dalam mencapai modal insan.
- \* Meningkatkan keutuhan tim di antara


elemen-elemen yang berlainan di dalam organisasi tersebut.

- \* Meningkatkan motivasi di dalam organisasi menerusi perasaan rasa sepasukan, taat setia, kepercayaan dan nilai-nilai serta pada masa yang sama menggalakkan mereka untuk menjadi yakin diri dan proaktif.
- \* Mempengaruhi budaya kerja organisasi tersebut untuk menjadi lebih berkesan dan cekap.
- \* Menyatukan orang perseorangan dan mengoptimumkan potensi mereka supaya mereka mempunyai semangat daya saing.

Soldadu jenis bagaimanakah yang akan menggambarkan sifat-sifat budaya baru ini? Budaya *Marksman* tertumpu kepada teras kecekapan dan pemelbagaiannya secara beransur-ansur di dalam keupayaan untuk melaksanakan fungsi-fungsi tambahan di dalam organisasi. Dengan berbuat demikian, tenaga kerja akan menjadi pelbagai fungsi, membuatkan organisasi menjadi pelbagai operasi. Budaya ini akan mengoptimumkan sumber yang sukar didapati dan menyatupadukan tenaga di dalam semua aktiviti. Ia akan menumpu kepada pengetahuan pengurusan, yang mana adalah merupakan pemangkin utama untuk pembangunan. Alaf baru adalah masa untuk bersekongkol yang memerlukan kerjasama antara orang perseorangan, teknologi dan material. Begitu juga, mengekalkan persekitaran yang aman memerlukan pakatan yang merangkumi pertahanan, diplomasi dan kerjasama keselamatan kepada integrasi antara semua agensi-agensi keselamatan.

## CIRI-CIRI MARKSMAN

Zaman baru ini memerlukan soldadu-soldadu yang berpengetahuan dan mempunyai keupayaan untuk melaksanakan peranan yang pelbagai. Soldadu sekarang ini mengetahui strategi organisasi dan peranan yang dimainkan oleh mereka di dalam mencapainya. Berhadapan dengan persekitaran keselamatan yang berubah secara pesat, soldadu di setiap peringkat adalah dikehendaki mempunyai kualiti yang akan membuatkan mereka analitikal, kritikal dan berfikiran terbuka semasa melaksanakan tugas-tugas.



Faktor-faktor utama yang perlu untuk menerima perubahan-perubahan adalah dengan mengadakan:

- \* Wawasan Untuk Perubahan – Carta untuk menyatupadukan kemajuan individu dan kumpulan.
- \* Memperolehi Sokongan Untuk Perubahan – Mendapatkan komitmen daripada semua peringkat organisasi tersebut untuk menentukan yang perubahan diterima dan dilaksanakan dengan sewajarnya.
- \* Laksanakan Perubahan – Pantau implimentasi dan validasi.

## PRINSIP-PRINSIP MARKSMAN

Seperti juga mana-mana disiplin, *Marksman* telah menetapkan satu set prinsip-prinsip yang akan menunjukkan cara seorang penembak boleh menembak dengan baik. Prinsip yang sama juga boleh dilihat dari sudut pandangan yang lebih luas sebagai peraturan untuk individu dan organisasi menjadi yang terbaik. Secara asasnya, *Marksman* berkembang di sekitar empat faktor utama, iaitu *memegang, melaras, menenang dan menembak*.

### Memegang: Kedudukan dan Pegangan

Di dalam konteks menembak, mengambil kedudukan dan memegang adalah lebih sukar dari memetik picu. Mengambil kedudukan tertumpu kepada bagaimana *Marksman* menempatkan

senjatanya kepada sasaran-sasaran semasa beliau bersedia untuk menembak. Keduanya, ia adalah berkenaan memegang, yang merujuk kepada ketegapan dan ketahanan di dalam mengekalkan posisi dan mengendalikan senjata itu.

Dari sudut pandangan pengurusan, "Kedudukan dan Pegangan" adalah merujuk kepada pencapaian organisasi dari segi kredibiliti dan hubungkaitnya. Ia mesti boleh dapat mengekalkan kedudukan tersebut dengan pegangan yang kuat dengan cara sentiasa dapat berubah mengikut keadaan persekitaran. Dalam hal ini, Tentera Darat Malaysia telah mengukir nama dipersada dunia dengan menewaskan pengganas komunis di dalam negara dan telah meletakkan ia sebagai sebuah angkatan pengaman yang disegani.

Sebagai sebahagian daripada Angkatan Tentera Malaysia, Tentera Darat Malaysia juga telah memainkan peranannya sebagai sebuah angkatan yang dapat mencegah ancaman luar dan ia mesti dapat mengekalkan "kedudukan" ini dan pada masa yang sama "pegang" kepada kredibiliti dengan cara selalu mengubah strateginya untuk sentiasa kekal relevan.

Garis panduan untuk mengekalkan kredibiliti termasuk:

- \* **Struktur Organisasi.** Perlu peka kepada kemunculan cabaran-cabaran keselamatan, Tentera Darat Malaysia telah mengambil langkah-langkah untuk memodenkan struktur organisasinya untuk berhadapan dengan ancaman simetri dan asimetri. Proses ini termasuk pengstrukturkan semula angkatan dan pembangunan keupayaan. Dengan itu, divisyen-divisyen infantri telah ditingkatkan dan di struktur semula sebagai mekanis, bantuan dan pasukan atur tindak cepat. Dalam dunia hari ini, mudah ubah dan keupayaan untuk di atur gerakkan dengan cepat telah menjadi satu keperluan penting.
- \* **Teknologi.** Semenjak Perang Teluk, teknologi untuk bertempur dengan musuh dari jarak jauh telah meningkat dengan pesatnya. Elemen teknologi telah menjadi faktor utama dalam alaf baru ini,

kerana perperangan moden telah mengubah tentera darat dari sebuah angkatan yang bersifat ganas kepada sebuah angkatan yang menggunakan akal fikiran. Maklumat masa benar dan tepat adalah intipati perperangan moden kini. Tentera Darat Malaysia tidak mempunyai teknologi masa terkini tetapi sedang di dalam rangka perancangan. Struktur C4ISR (Pemerintahan, Kawalan, Perhubungan, Perkomputeran, Perisikan, Pengawasan dan Tinjauan) untuk Tentera Darat sedang dirancang untuk memastikan yang ia mempunyai struktur pemerintahan yang boleh dipercayai, selamat dan menyeluruh. Ini akan dihubungkan kepada dua perkhidmatan yang lain iaitu Tentera Laut dan Tentera Udara untuk memastikan Angkatan Tentera Malaysia adalah sebuah angkatan yang kredible dan berkeupayaan.

- \* **Sumber Manusia.** Manusia adalah merupakan senjata utama di dalam perperangan, adalah amat penting sekali iaitu pembangunan sumber manusia sentiasa dikaji semula untuk memberi nafas baru kepada tenaga kerja ini. Seperti yang telah dinyatakan, matlamat utama pembangunan sumber manusia adalah menghasilkan soldado professional yang "berfikir dan analitikal" dengan peranan yang pelbagai.

### Melaras: Larasan Semulajadi

Melaraskan senjata adalah untuk mendapatkan kedudukan peluru di sasaran. Ini adalah penting dan perlu untuk menjadi seorang penembak tepat. Sebagai seorang *Marksman* ia akan terjadi secara semulajadi. Ia mesti boleh mengubah klik pada pejera teropong mengikut kehendak dan kesesuaian sasaran. Langkah ini juga mesti diulangi sehingga peluru mengenai tepat pada sasaran.

Di dalam konteks pengurusan, pelarasan semulajadi adalah sifat semulajadi perperangan di mana Tentera Darat Malaysia telah alami. Ia merujuk kepada keupayaan bertempur di dalam hutan yang mana telah dibentuk semasa Darurat Malaya, ia perlu dihargai dan diperturunkan

kepada generasi yang akan datang. Walaupun teknik bertempur di dalam hutan ini dilihat sebagai sudah ketinggalan zaman, ia telah diubah suai untuk disesuaikan dengan cara pertempuran di kawasan terbina. Persoalan pokoknya adalah Tentera Darat Malaysia telah mengamalkan kemahiran perperangan asimetrik ke dalam keadaan perperangan konvensional untuk mengatasi keperluan untuk teknologi canggih.

### Menenang: Menenang dengan Betul

Mengambil tenangan yang betul selepas mengambil kedudukan dan pegangan yang betul oleh sibenembak tidak akan menjamin tembakkan yang tepat. Ia bergantung kepada faktor-faktor lain seperti angin, keadaan cuaca, cahaya dan yang paling penting sekali aplikasi teknik-teknik yang betul semasa menembak. Angin dan cuaca mempunyai kesan yang mengejutkan semasa menembak di luar, kerana tiupan angin yang konsisten akan memberi kesan kepada pemarkahan. Oleh yang demikian, penembak yang berjaya akan mempelajari metoda untuk mengatasi kesan angin ini.

Menenang dengan betul adalah berhubung dengan perancangan dan mengoptimumkan sumber-sumber. Kebiasaannya organisasi akan menghadapi pelbagai aspek seperti kos, kualiti, perkhidmatan, latihan dan lain-lain secara serentak, dan akhirnya akan melambatkan pencapaiannya. Adalah menjadi fakta nyata bahawa ia merupakan satu tugas sukar untuk dibuat pembaikan pada kesemuanya dalam satu masa, oleh itu mengenal pasti tempat-tempat yang perlu untuk diberi perhatian dan menentukan semua sumber tersebut dioptimumkan. Perkara-perkara utama yang perlu untuk menenang dengan betul adalah dengan menanamkan disiplin yang tinggi dan budaya berkualiti di dalam organisasi tersebut. Antara cara-cara yang dilakukan di dalam Tentera Darat Malaysia adalah:

- \* **Pemusatkan Sumber-sumber:** Adalah menjadi tujuan strategi ulung ini untuk memusatkan elemen-elemen kuasa kombat dan tenaga manusia bagi menumpukan ia ke satu tujuan. Keupayaan digabungkan untuk memperolehi satu

angkatan yang kredible untuk berhadapan dengan suatu keadaan kombat. Semasa Darurat Malaya, Tentera Darat dan Tentera Udara telah melaksanakan operasi bersama untuk menghapuskan pengganas komunis. Begitu juga, negara-negara di rantau ini yang mempunai pakatan pertahanan dan angkatan gabungan untuk menentukan keselamatan.

- \* **Mensasarkan:** Ini bermakna untuk menumpukan ke objektif-objektif yang akan mempunyai kesan secara langsung ke atas peranan Tentera Darat di dalam mempertahankan negara. Idea utama di sini adalah mengatasi kelemahan dengan kekuatan. Oleh kerana Tentera Darat Malaysia terkenal di dalam kejayaannya menentang pengganas komunis, teknik-teknik yang telah digunakan untuk bertempur di dalam hutan diubah suai untuk menyesuaikannya bertempur di dalam kawasan terbina. Tentera Darat Malaysia sentiasa memperbaharui doktrin latihannya supaya seimbang dengan keadaan cabaran-cabaran keselamatan.
- \* **Melengkapkan Sumber-sumber:** Satu lagi cara mengoptimumkan sumber adalah dengan menggabungkan sumber-sumber yang berlainan dengan cara yang mana ia akan meningkatkan keupayaan pertahanan. Kerjasama keselamatan dengan agensi-agensi kerajaan yang lain untuk membendung jenayah transnasional yang sedang berleluasa seperti menyeludup manusia, menyeludup dadah, melanun dan melintasi sempadan untuk mengambil perlindungan, akan membuatkan operasi keselamatan lebih berkesan. Melengkapkan sumber-sumber melalui operasi bersama dengan negara-negara lain untuk membendung jenayah yang serupa atau menentang ancaman yang sama juga akan menjadi berkesan.

### Tembak dan ikut lajak

Tembak dan ikut lajak adalah merupakan perkara terakhir yang perlu dilaksanakan oleh

seseorang penembak apabila ia telah memetik pincangan. Bukan sahaja setakat memetik pincangan ia menembak tetapi ia juga mesti menghayati di manakah pelurunya itu akan mengenai Sasaran. Sekiranya ia tidak mengenai Sasaran seperti mana yang dikehendaki maka ia mesti mengikut semula langkah-langkah yang telah dibincangkan tadi atau memperbaiki kelemahan yang wujud.

Dari segi pengurusan ini adalah merujuk kepada pelaksanaan objektif-objektif yang dirancang dan memantau mereka melalui suatu proses kawalan pengurusan untuk menentukan yang aktiviti-aktiviti tersebut mematuhi objektif-objektif yang telah dirancang. Sistem-sistem kawalan adalah perlu kerana rancangan yang terbaik juga boleh jadi tidak keruan tanpa pemantauan yang sempurna.

Di peringkat implementasi, sistem pemantauan termasuk pelaksanaan pemeriksaan Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM), maklum balas melalui pemeriksaan berkala oleh Jabatan Inspektorat dan pemeriksaan-pemeriksaan pentadbiran lain di setiap peringkat pemerintahan. Maklum balas berkala dikumpulkan melalui laporan-laporan yang mana telah dianalisis di Markas Tentera Darat untuk menentukan objektif-objektif dilaksanakan.

Mekanisma motivasi seperti penghargaan, bantuan material, latihan dan program pembangunan dan insentif dirancang secara serentak untuk membantu anggota-anggota mencapai objektif organisasi. Prestasi organisasi adalah dipantau sebilang masa dan diuji melalui latihan dan eksesais ketenteraan untuk mengekalkan tahap kesiapsiagaan tempur yang tinggi.

### IMPLEMENTASI RANCANGAN

Mengimplementasi wawasan yang berpandukan prestasi adalah satu tugas yang sukar daripada menciptakannya. Ia menyediakan set-set pendekatan strategik yang memerlukan orang-orang di dalam organisasi untuk berfikir, bertindak dan bekerjasama di dalam persekitaran yang baru. Pendekatan yang baru ini mungkin memerlukan perubahan di dalam sikap yang menyeluruh, yang mana tidak boleh dicapai semalam. Oleh itu, ia memerlukan perancangan teliti, yang merupakan kunci bagi mejayakan implentasinya.

Mengadakan sebuah rancangan pelaksanaan memerlukan proses pemikiran yang berhati-hati, munasabah, dan sistematik yang termasuk cadangan-cadangan untuk mengatasi rintangan-rintangan ini. Sebuah ungkapan Melayu lama, yang menggambarkan keperluan untuk perancangan yang baik dan sentiasa proaktif di dalam apa jua situasi, adalah, "sediakan payung sebelum hujan."

Dengan perancangan yang terperinci dan matlamat yang realistik, sebuah organisasi boleh mencapai objektif yang dihasratkannya. Adalah perlu untuk setiap organisasi untuk mempunyai sebuah wawasan yang menggambarkan hasratnya.

Untuk mencapai objektif-objektif ini Tentera Darat memerlukan pegawai-pegawai dan soldadu-soldadu yang bermotivasi tinggi, disiplin dan profesional. Budaya *Marksman* sedang disemai untuk meningkatkan modal insan Tentera Darat Malaysia, supaya ia boleh mencapai wawasan dan misinya.

### **Mengoptimumkan Modal Insan**

Untuk mencapai kredibiliti yang unggul, sebuah organisasi mesti mengoptimumkan sumber manusianya dengan membuatkan mereka menumpukan kepada tugas yang sedang mereka laksanakan. Ini adalah penting kerana ia bukan sahaja akan menaikkan kualiti pengeluarannya, tetapi juga mendorong anggota-anggota untuk berkhidmat lebih lama lagi di dalam organisasi. Menguruskan sumber manusia bermula dengan memilih orang yang betul untuk tugas yang sesuai dan menyediakan peluang-peluang untuk menjadi cemerlang di dalam tugas-tugasnya itu. Satu faktor lain yang penting di dalam membangunkan sebuah tenaga kerja yang mempunyai kecekapan yang tinggi adalah dengan memberikan anggota-anggota ini rasa tanggunjawab dan akauntabiliti. Dengan berbuat demikian, setiap individu di dalam tenaga kerja tersebut akan cuba untuk mencapai yang terbaik di dalam pelaksanaan tugasnya.

### **PENDEKATAN PENGURUSAN**

Walaupun cara berperang sentiasa berubah, peranan Tentera Darat Malaysia tetap tidak

berubah, iaitu untuk menjaga kedaulatan negara dan kepentingan-kepentingannya. Tumpuan Tentera Darat adalah condong kepada melaksanakan misi pelbagai melalui operasi bersama di dalam angkatan tentera dan dengan organisasi-organisasi kerajaan yang lain. Oleh itu, untuk mencapai keperluan tersebut, pemerintah-pemerintah di setiap peringkat mesti memahami wawasan Tentera Darat dan mereka membentuk suatu rancangan untuk menyemai wawasan ini di dalam pemerintahan mereka. Pendekatan pengurusan adalah untuk menggabungkan kepakaran individu dan keupayaan organisasi untuk mencapai satu tujuan bagi mencapai wawasan tersebut. Terdapat lima strategi kepimpinan yang boleh diguna pakai untuk mencapai wawasan Tentera Darat Malaysia semasa mengimpenitmasikan budaya *Marksman*.

**Pendekatan Strategi** adalah cara yang memerlukan rancangan jangka panjang, yang menjelaskan keperluan-keperluan untuk masa hadapan. Ia termasuk perubahan teknologi, pembangunan sumber manusia dan sistem logistik yang mantap untuk menghadapi perubahan persekitaran keselamatan. Pendekatan ini tertumpu kepada analisis dan perancangan. Pendekatan kedua adalah **Pendekatan Aset Manusia** yang menitikberatkan pertumbuhan dan pembangunan individu. Ia mempengaruhi nilai-nilai, kelakuan dan sikap di dalam organisasi untuk mencapai piawaian keberkesanannya yang lebih tinggi. Pendekatan ini menitikberatkan "cara organisasi melaksanakan sesuatu." Yang ketiga merujuk kepada **Pendekatan Kepakaran**, yang cuba untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan teknologi organisasi untuk mencapai daya saing. Di dalam konteks ketenteraan, pembangunan sumber manusia bersama kemajuan teknologi akan meningkatkan keberkesanannya kombat organisasi tersebut mengikut cara yang paling efektif. Pendekatan ini cuba mendapatkan orang yang sepadan dengan kepakaran yang setimpal bagi tugas yang betul. Seterusnya, adalah **Pendekatan Kotak**, yang percaya kejayaan organisasi itu bergantung kepada keupayaan untuk memberi kepuasan kepada pelanggan-pelanggan dengan cara yang konsisten.

Di dalam konteks ketenteraan, pelanggan luaran adalah pihak kerajaan, di mana mempertahankan negara dari ancaman luar menjadi keutamaan.

Pendekatan ini menitikberatkan polisi-polisi dan prosedur-prosedur, dan memantau pelaksanaannya. Akhirnya, adalah **Pendekatan Menukar (Change Approach)** yang memberi penekanan kepada kesinambungan ciptaan semula dan memotivasikan orang-perorangan untuk berubah. Kombinasi pendekatan-pendekatan boleh digunakan untuk mencapai wawasan organisasi tersebut. Begitu juga, Tentera Darat Malaysia akan menggunakan pendekatan-pendekatan yang berlainan ini untuk mengimplementasikan wawasan Tentera Darat “2 10 Plus 10”

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, sasaran *Marksman* adalah untuk membawa Tentera Darat Malaysia kepada satu tahap kesiapsiagaan tempur yang tinggi, berkesan dan berupaya. Adalah menjadi wawasan

setiap tentera di dunia ini untuk menghasilkan soldadu yang “Berfikir dan Analitikal”. Walau bagaimanapun, ini memerlukan komitmen, dedikasi dan kemahiran yang tinggi dalam setiap soldadu di setiap peringkat pemerintahan dalam organisasi ini. Budaya *Marksman* mesti disemaiakan secara sistematik sehingga ia menjadi sebahagian daripada individu tersebut. Budaya ini ingin menyemarakkan keinginan dalam setiap individu untuk menjadi *Marksman* di dalam fungsi utama mereka dan semasa diberi tugas oleh organisasinya. Budaya ini akan memotivasikan seorang soldadu untuk mencuba sedaya upayanya dan bukanya sekadar mencapai had atau standard yang telah digariskan oleh organisasi itu. Seajar dengan kata-kata Zig Zagler, “Jangan tunggu untuk sesuatu perkara itu berlaku, tetapi mesti lakukanya”, adalah menjadi hasrat yang membara Tentera Darat untuk merealisasikan budaya *Marksman* bagi mencapai wawasan 2 10 Plus 10 nya.

## RUJUKAN

Jen Tan Sri Dato' Sri Abdul Aziz Hj Zainal, *Marksman The Target For The Malaysian Army*, National Library Malaysia, 2006.



Mej Christopher Ignatius Choong telah dinauliahkan ke dalam Kor Rejimen Renjer DiRaja pada 24 Ogos 1984. Beliau adalah lulusan Maktab Turus Angkatan Tentera, Haigate pada 1998. Beliau memiliki Diploma Pengajian Strategik dan Pertahanan (1998) serta Ijazah Sarjana Pengurusan (Cemerlang) (2003) dari Universiti Malaya. Beliau juga adalah lulusan *Army Command and General Staff College, Royal Thai Army*, Bangkok Thailand pada 2001. Beliau pernah menjawat pelbagai jawatan di pasukan, pusat latihan serta juga di KEMENTAH. Beliau kini adalah Penolong Pegawai Memerintah 4 RRD.

# KNOWLEDGE MANAGEMENT: MILITARY CONCEPTUAL APPLICATION



By Mej Inderjit Singh a/l Tara Singh

*Knowledge acquisition involves complex cognitive processes: perception, learning, communication, association, and reasoning. Knowledge Management provides a thorough and encompassing approach to reinventing an organization and can enable the realization of considerable benefits to conceptualize all necessities. This is applicable when globalization and technological advances makes it a requirement for all military adversaries to be competitive in enhancing the knowledge based structure in nourishing their organization's intellectual capital.*

*"To attain educational excellence and competent human-skills, we must create a knowledge based society. In this context, the Ministry of Defence should develop a learning organization with human resources focused on intellectual development aimed towards creating 'knowledge workers'"*

*Dato' Sri Najib Tun Razak  
Deputy Prime Minister & Minister of Defence*

## INTRODUCTION

Knowledge Management (KM) caters to the critical issues of organizational adaptation, survival and competence in face of increasingly discontinuous environmental change. Essentially, it embodies organizational processes that seek synergistic combination of data and information processing capacity of information technologies, and the creative and innovative capacity of human beings (Malhotra, 1998). The military organizations have a unique context in which KM must be deployed and eventually operate. The transition from an industrial era into an information and knowledge era was significant and the relevance of acquiring and managing information and knowledge is becoming increasingly critical (Muzumdar, 1997). A rapid pace of technological change and the required transformation in doctrine and organization predominantly characterize the 21st century Revolution in Military Affairs (RMA). The new warfare highlights the rising importance of

having a knowledge advantage over adversaries. New technologies have resulted in increasingly dynamic, unpredictable and complex operations that require people to filter and analyze information from multiple sources. The globalization of warfare and the accompanying elements of joint and combined operations is another significant change for modern military conflicts. Warfare and its derivatives of peace making and peacekeeping take place on a global stage, far beyond local or regional conflicts. This means that situational awareness and decision-making rely to a greater extent than ever before on sources beyond the immediate theatre. These can be instantaneous and from anywhere in the world.

Working effectively with joint or combined forces in coalition situations also requires the ability to communicate and coordinate operations in a 'seamless' environment. On the human resources side, the military, like their corporate counterparts, recognize the important role of intellectual capital in the modern military enterprise. Human capital,

structural capital and stakeholders provide the platform for intellectual capital which all militaries are embracing them holistically to create a learning organization conforming to Knowledge Force (K Force). Rapid technological advancement means that training must become faster and more effective. Military personnel are rotated through positions for both operational experience and career development. Sense making, problem solving and decision-making are more complex and more essential in military situations than ever before. Similarly, know-how, expertise, and interoperability are also important factors in a military organization's ability to attain knowledge superiority. Command and control is taking on new dimensions, and the role of military personnel is evolving into that of 'knowledge worker'. This article attempts to share the dynamics of knowledge management perspective in the future domain of the military structure in the near future. This paper articulates how knowledge management is effectively used in the military and its application in providing a thorough and encompassing approach to reinventing an organization and can enable the realization of considerable benefits.

## WHAT IS KNOWLEDGE MANAGEMENT?

Knowledge has been identified as the ultimate competitive advantage for the modern firms and therefore should be well managed. According to Davenport and Prusak (1994) knowledge is a fluid mix of framed experience, values, contextual information and expert insight that provides a framework for evaluating and incorporating new experiences and information. Knowledge is best

described within the context of the Knowledge Spectrum which includes the element of data at the lower end of the scale, progresses to information when value added, then to knowledge and finally to wisdom as depicted in **Figure 1**.

In organizations, it often becomes embedded not only in documents or repositories but also in organizational routines, processes, practices and norms. Knowledge assets within an organization is the capitalization of the members of the organization, and it is a collaborative work to share and use information which marks the effective use of knowledge and which KM tries to promote (Milam, 2001). The true process of creating new knowledge, takes place subsequently when the different pieces of knowledge are set in context, organized, linked to one another and compared to the individuals' previous experiences (Gauvin & Lecocq, 2004). Thus, the most of the knowledge creation activities happen when collaborating with other military personnel, internal or external to the organization.

Knowledge can be described as consisting of two types: explicit and tacit. In relations to managing knowledge within organization, Raja Abdullah (2005) cited that KM deals with both tacit and explicit knowledge in an organization, with regards to knowledge creation, sharing, and how these activities promote learning and innovation. Explicit knowledge is that readily quantifiable knowledge that can be transferred in written form. This includes knowledge or work processes that are transferred via standard operating procedures, manuals and training courses. Tacit knowledge is the type of knowledge that can only be transferred through experience and is the most difficult type of knowledge to quantify or explain. It is acquired through a mix of framed experience, values, contextual information, experiences and information. Through individual experience information is transformed into knowledge in a number of ways. First, the information about a given situation can be compared with other situations that are known. Secondly the consequences or implications of the information on decisions and actions are considered. Thirdly connections are made between this piece of information and how it relates to others that are known. Finally through conversation other people's thoughts on a piece of information are gathered. Through these methods each individual





Figure 1: The Knowledge Spectrum

transforms information into knowledge. Nonaka and Takeuchi (1998) argue that effective organizational knowledge creation best occurs through the spiral process where knowledge is converted from tacit to explicit in a continuous and dynamic cycle, as illustrated in **Figure 2**.



It is when tacit knowledge and explicit knowledge interact that innovation occurs. Knowledge creation is facilitated by deliberately managing the cycle. Organizational knowledge creation begins with socialization, where individuals share experience and mental models. It develops into externalization when individuals use metaphors or analogies to articulate hidden tacit knowledge that is otherwise difficult to communicate. It moves into the combination phase for knowledge to be articulated, shared and expounded. Finally, individuals learn by doing and internalizing the new knowledge. The spiral begins again as the experience-based operational knowledge learned in the first cycle provides a larger knowledge base for continuous innovation and growth.


## KNOWLEDGE MANAGEMENT CYCLE

Knowledge processes in a KM environment are managed to convert knowledge for action and to achieve the desired results of increased value in the organization or specific operations as illustrated in the model in **Figure 3**. There are three general perspectives in the cycle: management, application and people:

**Management** focuses on capturing, organizing and facilitating knowledge. Many of these activities

span the externalization and combination quadrants of the Nonaka model.

**Application** focuses on effective retrieval of relevant content through advanced searches and mining to conduct knowledge-related work and tasks and on the use of the results for discovery. It relies on the knowledge combination portion of the model.



- **People** focus on learning, sharing and collaboration. This is the education component of the cycle that is within the internalization quadrant, moving into the socialization portion.

Initially, through sense making, an organization interprets the ongoing environmental data and establishes a shared understanding. If the experience is routine and known, then the organization can go directly into the process of decision-making. In this stage, the organization searches for more information and selects alternatives. The Nonaka model of knowledge creation is engaged when the sense-making process has determined that new knowledge is required or that the situation is novel and requires new responses. After the sense-making process, the organization then calls upon a knowledge-creation process that will give it additional input to move into the final stage of decision-making.

This cyclical model is reminiscent of the command and control OODA loop (Observe, Orient, Decide, and Act) in which information and then knowledge are transformed into action. McCann

and Pigeau have also applied the Nonaka model to a redefinition of command and control theory.

Information Technology experts would have us believe that knowledge management is synonymous with information management. They would have it that a good information management system, provided by information technology specialists, will resolve all knowledge management problems. Knowledge management is an attempt to recognize what is essentially a human asset buried in the minds of individuals, and leverage it into an organizational asset that can be accessed and used by a wider set of individuals within the organization. A working definition of knowledge management is “the commitment to create new knowledge, disseminate it throughout the organization and embody it in products, services and systems”. Although this definition does not make it clear, knowledge management includes the dissemination and embodiment of existing knowledge in addition to the creation of new knowledge. Knowledge management includes, but is not limited to, activities such as encouraging creativity and innovation, developing knowledge management systems, creating a culture of knowledge sharing and evolving into a learning organization.

## **KNOWLEDGE MANAGEMENT APPLICATION IN DEFENCE**

The transfer of tacit knowledge within Defense relies significantly on existing informal organizational structures. Tacit knowledge exchange occurs primarily within immediate work locations, either within integral sections or between sections that are geographically collocated. It is also more prevalent between sections that are closely aligned in their responsibilities and work practices. What is needed is the superiority of information and knowledge retrieved and reported so that the defense and integrity of the nation is preserved.

There are cases of where tacit knowledge is transferred across organizational boundaries. This primarily occurs where existing formal structures influence the interaction between staff (e.g. where meetings are organized between technical staff from different areas) or where there are strong developed informal structures. However,

physical boundaries such as geographic location, information technology infrastructure and the prevalence of a strict hierarchical structure are effective barriers to knowledge management. Whilst the before mentioned examples of tacit knowledge management rely significantly on informal processes, the transfer of staff between sections and work locations on higher duties inadvertently provides a valuable medium for the transfer of tacit knowledge. These staff brings with them to the new work environment knowledge from their previous work environment. They also gain knowledge whilst occupying the higher duties appointment and will invariably take this knowledge with them to share with co-workers at their original work location. Despite this powerful and effective method of transferring tacit knowledge that has been achieved through opportunity, no formal process of leveraging this method by periodically transferring staff to other sections to work at the same level is evident in defense. Additionally, there is generally no intrinsic knowledge management culture within defense that transcends boundaries other than that which exists on a limited local level.


The formal knowledge management processes within defense include Standard Operating Procedures, Regulations, Handbooks, and databases. However, these are often dated and no longer reflect current work practices. To overcome this there is some localized development of processes that reflect practice. However these are rarely available for use throughout the organization. Even in strict areas of discipline such as resource management change has generally surpassed written processes and in some cases rendered them ineffective. This has placed a stronger emphasis on the tacit dimension of knowledge and requires experienced workers to advise on where written processes can be found, how current they are and what the alternative processes are. This is conducted effectively at the local level but is rarely captured outside of the minds of the knowers and made available extensively across the organization. The available information technology infrastructure is also not utilized to its full potential for formal knowledge management. Despite the use of knowledge management software within the military there is limited use of databases to capture and distribute knowledge. There is also no formal structure to the organization of information and knowledge stored in the infrastructure, which

subsequently differs from area to area. This makes it difficult for the stored knowledge or information to be shared with other areas. The difficulties posed by the apparent lack of coordination of formal knowledge management processes places a heavy burden on the transfer of tacit knowledge and the conduct of training.

According to a study conducted for the Directorate of Military Programs, Headquarters, U.S. Army Corps of Engineers, knowledge work is the area that offers the greatest opportunity to increase productivity within the US workforce. Ongoing research at the US Army Construction Engineering Research Laboratories is developing the Knowledge Worker System, an integrated performance support environment designed to improve the performance of Army knowledge workers (Thomas et al., 1995). A classic example on the application of knowledge management in the real theatre is the US Army's Centre for Army Lessons Learnt (CALL), which was established to capture the truths of real situations that have been experienced rather than learnt from theory or generalization. Personnel from CALL participate in real operations and record information for later analysis and dissemination as lessons. The lessons from CALL assisted US troops in Somalia, Rwanda, Haiti, and the Gulf. A key aspect of the success of knowledge management at CALL is the "After Action Review" program. The After Action Review (AAR) "involves an examination of what was supposed to happen in a mission or action, what actually happened, why there was a difference between the two, and what can be learnt from the disparities". The process involves all participants in an operation or action meeting together in an environment of openness free from judgment where no blame is laid and no topic is taboo. The AAR has become a common event within the US Army and is traditionally the last event in any activity conducted. It has contributed to the development of a knowledge sharing culture in the US Army whereby the lessons learnt that have been identified by an AAR are available for anyone within the US Defense Forces to view. This process has become so powerful that it has transcended its original intent as a tool to analyze training and operations and has become a common tool for all activities. The AAR is a powerful knowledge management tool that would provide significant benefit to Defense.

## KNOWLEDGE MANAGEMENT APPLICATION IN NETWORK CENTRIC WARFARE

The interactive picture that gives a timely and accurate assessment of all operations within the battle space enables the decision maker or group to gain a clear understanding of the current situation with regard to opposing forces and the environment, as well as to visualize a desired end-state. Currently, the problem is exceedingly complex because there are vast quantities of information requiring weeding, sorting and analysis. Data fusion and information management can be and are applied to the problem, but without the addition of knowledge conversion processes they can contribute to the overload. The management of knowledge in such complex environments should enhance the effectiveness of situational awareness systems. The nature of operations has dramatically changed within the context of the present RMA, changes that




*Knowledge Management Application In Network Centric Warfare*

have mainly been brought about by new technology advances in warfare and a more sophisticated international environment. The emergence of Network Centric Warfare<sup>1</sup> (NCW) (Stein, 1998), has now become a new trend towards adopting the NCW paradigm as a means for "information superiority" within most allied nations. The concept of "Network-Centric Warfare" is a derivative of "network-centric computing." The evolution of computing from "platform centric computing" to "network-centric computing" has been largely

<sup>1</sup> The tenets of NCW is the sharing of information and collaborating with others about meaning of the information improves both the quality of the information and the quality of the awareness (Journal of Defense Science, Vol. 8, No.3 , 2003).

enabled by recent key developments in information technology. Even though the applications of KM strategy in military context is still at embryonic stage, there are extensively applied in major countries, like the United States, Britain, Canada, Australia and several countries within this region like Japan, Korea, and Singapore to name a few. Enterprise portals are recognized as a promising technology to meet the requirements of NCW by enabling organizations to access, to share and to manage information and knowledge (Gauvin, Claire, Brisset, & Auger., 2004). KM strategy is the center of the military's information revolution, which becomes the enabler for mission operations, knowledge generation, information delivery and technology innovation (Browning, 2002).



Knowledge superiority in military operations requires dominant battle space awareness and visualization. As the battlefield changes and the tempo of war increases, the pace of information creation and decision-making also multiplies<sup>2</sup>. Modern warfare relies on information from many sources that must be assessed and compiled for immediate use. The timelines are shorter, and the

<sup>2</sup> Peter Brook and Tim Thorp. "C3I in the defence 15 in Journal of Barbara Waruszynski, The Knowledge Revolution:

players more individually significant in their roles. This type of warfare requires superiority at all levels of command and control. It demands situational awareness tools that are superior to those of opponents for anticipating their reactions, for sense making, for problem solving and for superior decision-making. Knowledge management (KM), which facilitates the creation and use of knowledge for increased innovation and value, could have a profound influence on the doctrinal shift anticipated by the RMA

## CONCLUSION

The development of modern warfare is reflected by the rising importance of having a knowledge advantage over adversaries. Knowledge management is a bottom-up predominantly qualitative process that focuses on effectiveness rather than efficiency. It assumes that management can gain most from the creative and innovative ways that people actually get things done. As a strategic approach to achieving defense objectives, military KM will play a valuable role in leveraging existing knowledge and converting new knowledge into action through the KM cycle. These applications illustrate how KM principles can be brought to situational awareness, sense making, and decision-making in military settings. The knowledge inculcation in the new warfare in NCW with the RMA platform highlights the importance of having a knowledge advantage over adversaries. Implementation of the After Action Review (AAR) process practiced in US Army provides the single greatest opportunity for harnessing the knowledge resident within an organization. It will provide the potential to achieve significant efficiencies in resource expenditure and increase corporate outputs. Allocation of dedicated resources for knowledge management will provide the potential to deliver all military organizations as a world-class organization and enable it to achieve its outputs with diminishing resources.

## REFERENCES

- Malhotra, Y (1998), "Deciphering the knowledge management hype", *Journal for Quality & Participation*, Vol. 21 No.4, pp.58-60.

Browning, Miriam (2002). Army Knowledge Management: The Army's Information Revolution. *Army A&L Magazine*. January-February Issue, 2002.

Choo, Chun Wei , (1998). *The Knowing Organization: How Organization Use Information to Construct Meaning, Create Knowledge, and Make Decisions*. Oxford University Press.

Cohen, J., (1969). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*. NY: Academic Press.

Cuviello, Peter M. (2002). Knowledge is Power: Transforming Army Information Management. Association of the United States Army. *ProQuest Information and Learning Company*.

Davenport, Thomas H., & Prusak, Laurence. (2000). *Working Knowledge: How Organizations Manage What They Know*. Harvard Business School Press.

Drucker, P., (1994). *The Age of Social Transformation*. The Atlantic Monthly.

Fernandez, Irma Becerra., Gonzalez, Avelino., & Sabherwal, Rajiv. (2004). *Knowledge Management: Challenges, Solution, and Technologies*. New Jersey: Prentice Hall.

Gauvin, M. & Lecocq, R., (2004). *Cross-Analysis of Data Collected on Knowledge Management Practices in Canadian Forces Environments*. Proceedings of 9<sup>th</sup> Command and Control Research and Technology Symposium, Copenhagen, DK.

Gold, Andrew H., (2001). *Towards A Theory of Organizational Knowledge Management Capabilities*. PhD Dissertation. University of North Carolina.

Hackney et al. (2000). *Towards a Knowledge Management Model for the Information Management Curricula*. Paper presented at the Proceedings of IAIM Annual Conference, Brisbane, Australia, December.



Mej Inderjit Singh was commissioned to the Royal Signals Regiment and attended all Signal career courses both local and overseas including Haigate Staff College in 1998. He served as an UN Military Observer in UN Mission in Ethiopia and Eritrea in 2003. He holds a Masters Degree in Information Technology (UM), Masters Degree in Management (UM), Diploma in Strategic and Defense Studies (UM) and Diploma Psychology (Counseling) from UKM. He is currently the SO 2 Operations B in KOMLEK MAF HQ.

# PERANAN MASJID DI DALAM ERA GLOBALISASI



Oleh Lt Kol Murtadza bin Hj Noordin

*Umat Islam perlu berubah dengan pemikiran baru supaya paradigma peranan dan fungsi masjid boleh diperbetulkan dan diubah. Peranan masjid mestilah ditonjolkan sebagai institusi untuk umum dan bukannya untuk sebilangan kecil umat Islam yang selalu dikenali sebagai orang masjid. Masjid mestilah berperanan secara lebih aktif bukan sebagai untuk mengadakan kuliah-kuliah pengajian sahaja tetapi juga untuk menarik perhatian sebahagian besar masyarakat yang lain supaya berminal untuk hadir ke masjid untuk tujuan-tujuan ibadah, kenduri-kendara, kuliah-kuliah, aktiviti-aktiviti sosial dan kemasyarakatan dan sebagainya. Fahaman Islam yang sebenar secara integrasi, mencantumkan ibadat dengan berbagai aktiviti-aktiviti hidup, malahan memperluaskan skop ibadah hingga merangkumi hampir kesemua urusan hidup manusia; dunia dan akhirat.*

*'Hanyalah yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, serta tetap mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut selain Allah, maka mereka lah orang-orang yang diharapkan termasuk golongan orang-orang yang mendapat petunjuk'.*

*Surah Al Taubah ayat 18.*

## PENDAHULUAN

**M. Jusoff Taib** menyatakan bahawa, jika Islam merupakan agama yang mencantumkan ukhrawi dan duniawi, maka masjid adalah lambang kepada kerohanian Islam itu.<sup>1</sup> Masjid adalah sumbu yang menyalakan kerohanian, keilmuan dan kebudayaan Islam; yang tidak dapat dipisahkan ibarat isi dengan kuku. Memperkatakan tentang arus kepincangan dan penghinaan terhadap Islam dewasa ini, banyak yang telah diperkatakan tentang peranan dan fungsi institusi masjid di dalam era kontemporari. Setengah pihak mencadangkan agar umat Islam kembali ke pangkal jalan; 'back to basic' iaitu kembali ke masjid. Hanya dengan umat Islam kembali ke masjid maka masalah umat Islam akan

dapat diselesaikan dan keagungan sinar Islam akan kembali tersohor. Ada sesetengah pihak pula yang cetek ilmu agamanya, yang hanya melihat masjid sebagai tempat ibadat semata-mata dan menganggap bahawa permasalahan umat Islam dewasa ini tiada berkaitan dengan kegagalan fungsi masjid. Kononnya masjid hanyalah untuk umat Islam beribadat semata-mata; tidak boleh membicarakan tentang politik, ekonomi dan urusan kehidupan dan kemaslahatan manusia yang lain. Pemisahan yang nyata antara kehidupan dunia dan akhirat ternyata bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar. Disaat umat bukan Islam dan bangsa lain sibuk di dalam mengejar kemajuan sains dan teknologi di dalam era globalisasi, umat Islam lemas di dalam kancah dan kemelut arus kehinaan akibat dari keghaflahan dan kealpaan, menyisihkan diri dari masjid lantas lupa diri dan terpesong dari landasan ajaran agama Islam sebenar.

<sup>1</sup> M. Jusoff Taib, Kenapa Masjid Terpencil Dari Umat, Dakwah, September 1995.

Persoalan timbul mengapa masjid yang mahal dan indah ukiran serta senibinanya yang penuh dengan unsur-unsur dan nilai-nilai estetika; luas perkarangannya yang dihiasi dengan taman-taman serba-loka tetapi hanya dimanfaatkan pada hari tertentu dan oleh hanya segolongan orang-orang tertentu sahaja? Bagaimanakah institusi masjid dapat memainkan peranannya di dalam memimpin umat Islam ke arah jalan yang sebenar terutama di dalam era global yang serba mencabar ini?

## TUJUAN

Artikel ini akan cuba menjawab persoalan di atas melalui perbincangan secara ringkas tentang peranan serta fungsi institusi masjid di dalam era globalisasi serta membuat perbandingan tentang peranan dan fungsi masjid kontemporari dengan apa yang telah di praktikkan pada masa zaman Nabi Muhammad saw.

## Definisi

Sebelum kita pergi lebih jauh di dalam membicarakan tentang peranan masjid di dalam era globalisasi, elok sekiranya kita bincangkan definisi kedua-dua istilah ini iaitu; apakah masjid dan apakah yang dikatakan globalisasi?

Menurut **M. Quraish Shihad** di dalam bukunya '**Wawasan Al Quran**', kata masjid terulang sebanyak 28 kali di dalam Al Qur'an.<sup>2</sup> Dari segi bahasa, perkataan masjid di ambil dari akar kata sajada - bermaksud sujud yang bererti patuh, taat setia, serta tunduk dengan hormat dan takzim. Meletakkan dahi, kedua tangan, lutut dan kaki ke bumi, yang kemudian dinamakan sujud oleh syariat, adalah bentuk lahiriah yang paling nyata dari makna di atas. Itulah sebabnya mengapa bangunan yang dikhususkan untuk melaksanakan solat di namakan masjid, yang ertinya '**tempat bersujud**'.<sup>3</sup>

Menurut M. Quraish lagi, di dalam pengertian sehari-hari, masjid merupakan bangunan tempat solat umat Islam tetapi kerana akar katanya mengandungi makna tunduk dan patuh, maka

hakikat masjid adalah tempat melakukan segala aktiviti yang mengandungi kepatuhan kepada Allah swt semata-mata. Seterusnya M. Quraish menukilkan sepotong ayat Al Qur'an yang bermaksud:

*'Sesungguhnya masjid-majid itu adalah milik Allah, kerana itu janganlah menyembah selain Allah sesuatu pun.'*

*Surah Al Jin- ayat 18*<sup>4</sup>

Di dalam memperkuatkan hujahnya M. Quraish juga telah menukilkan sepotong Hadis Rasulullah saw yang bermaksud:

*'Telah dijadikan untukku (dan untuk umatku) bumi sebagai masjid dan tempat penyucian diri.'*

*(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim dari Jabir bin Abdullah)*<sup>5</sup>

Berdasarkan dalil-dalil di atas, jika kita kaitkan bumi ini, maka masjid bukan hanya sekadar tempat sujud serta sarana penyucian dan tidak hanya sebagai bangunan tempat untuk bersolat tetapi masjid juga bererti tempat melaksanakan segala aktiviti manusia yang mencerminkan kepatuhan kepada Allah swt.<sup>6</sup>

Setelah mengetahui makna dan ertikata masjid dengan maksud sebenarnya marilah kita kaji akan maksud globalisasi. Menurut **American Heritage Illustrated Encyclopedia Dictionary**, globalisasi bermaksud: '*the act, process, or policy of making something world-wide in scope or application*'. Manakala **The New Oxford Illustrated Dictionary** pula memberi makna: *....of the whole of a group of items, categories, etc, excluding over, the whole world*. Menurut **Kamus Dwibahas Dewan Bahasa dan Pustaka**, globalisasi berasal dari perkataan **global** bermaksud **merata dunia, kesejagatan** ataupun **menyeluruhan**. Globalisasi umumnya merujuk kepada integrasi negara-negara ke dalam suatu sistem dunia (seperti ekonomi dan lain-lainnya) yang bersepada dan saling memerlukan di mana faedah daripada globalisasi di kongsi bersama oleh negara-negara di dunia.

<sup>2</sup> M. Quraish Shihad, *Wawasan Al Quran*: Tafsir Maudhu'i Atas Pelbagai Persoalan Umat, Penerbit Mizan, Bandung, 1996, hal 459.

<sup>3</sup> M. Quraish Shihad.

<sup>4</sup> Ibid., hal 459.

<sup>5</sup> Ibid., hal 460.

<sup>6</sup> M. Quraish, hal 460.

Globalisasi meletakkan syarat bahawa negara-negara dunia harus melonggarkan syarat-syarat dan peraturan domestik yang menghalang kepada proses globalisasi. Ini bermakna membuka negara berkenaan kepada dunia luar dalam konteks '**dunia tanpa sempadan**' ('**borderless world**').<sup>7</sup> Menurut Dr Fathi Yakan di dalam bukunya '**Islam Era Global**', pergerakkan dunia semakin laju, perjalanan yang dulunya mengambil masa yang lama dan membosankan kini semakin cepat dan pantas.<sup>8</sup> Runtunan peristiwa yang berlaku di mana-mana dapat kita saksikan secara terus dan langsung walaupun ianya terjadi ribuan batu jauhnya. Kemajuan teknologi tersohor mampu mencipta mikrocip yang hanya sebesar kepala jarum tetapi mampu menyimpan jutaan data-data yang kalau ditulis mampu melahirkan berjilid-jilid buku seperti ensiklopedia.

Menurut Prof Madya Mohamed Abu Bakar, globalisasi adalah apa yang dikatakan pindah nilai cara berfikir manusia cara Barat dari satu daerah ke satu daerah yang lain. Ianya telah berlaku sejak dulu tetapi baru sekarang terserlah hasil dari penemuan yang rancak dan mendalam di dalam bidang sains dan teknologi. Menurut beliau lagi, globalisasi ala Barat yang muhlu di suapkan di dalam dunia Islam adalah cara fikir dan idea dari Barat yang muhlu mengubah cara hidup Islam yang syumul dengan apa yang dikatakan pemodenan nilai-nilai paksi sekular Barat yang ternyata didalangi oleh Zionis Amerika.<sup>9</sup>

Menurut Dr Fathi, rantaian perubahan-perubahan ini adalah hasil dari pertukaran geobiologi dan demografi yang terjadi di Eropah yang telah menyebabkan runtuhnya empayar Kesatuan Soviet yang mana telah menjadikan Amerika Syarikat saat ini merupakan satu-satunya blok yang dominan. Kuasa hegemoni dan uni-polar Amerika Syarikat telah di isytiharkan oleh George Bush sebagai apa yang di panggil '**Orde Baru Dunia**' ('New World Order').<sup>10</sup> Kononnya '**Orde**

**Baru'** ini memungkinkan masyarakat antarabangsa menikmati udara demokrasi dan kebebasan dengan hancurnya imperialism dan sosialisme. Menurut Dr Fathi lagi, Orde Baru Dunia saranan Amerika tidak ubah merupakan satu orde baru yang mengalir licik darah Zionisme yang terang-terang muhlu menghancurkan Islam.<sup>11</sup>

### Efek Globalisasi Terhadap Islam

Menurut Prof Madya Mohammad lagi, nilai-nilai sejagat telah menular ke dalam masyarakat yang mana nilai kampung telah diperbandarkan. Nilai-nilai global akan terus berkembang muhlu tidak muhlu dan secara tidak langsung telah menyemai benih nilai hedonisme yang akhirnya akan membawa kepada perkembangan dan pembangunan masyarakat Islam yang permisif dengan nilai-nilai yang bercanggah dengan agama. Pensejagatan yang berlaku mencakupi pensejagatan umum, pensejagatan ekonomi dan pensejagatan nilai-nilai dan norma-norma sosial ala Barat. Nilai-nilai hedonisme ini akan menjuruskam manusia muslim lalai dan lena di dalam kelazatan jasmaniah yang melampaui.<sup>12</sup> Dr Muhamad Uthman El Muhammady menggelar kumpulan manusia ini sebagai '*one dimensional man*'.<sup>13</sup>

Menurut Akbar S. Ahmed, cara untuk mengenal identiti fizikal sesebuah masyarakat, kita harus melihat institusi masjid serta rangkaianya yang memberi gambaran tentang kesatuan dan ketegasan dari perspektif Islam. Katanya lagi jika kita membuat perbandingan di antara gereja di Barat dan masjid, gereja tidak membawa pengaruh politik dan sosial yang nyata di kalangan orang Kristian sebagaimana peranan masjid di kalangan masyarakat Islam. Beberapa tema ternyata jelas dan nyata di mana terdapat pergelutan universal berlaku di antara unsur yang baik dan jahat. Dunia dilihat telah di dominasikan secara berperingkat oleh kuasa Barat terutamanya Amerika Syarikat yang jelas memberi gambaran tentang kemerosotan nilai-nilai moral dan spiritual. Sex, dadah dan keganasan adalah apa yang disuapkan oleh Barat melalui globalisasi (Internet, filem dan siaran

<sup>7</sup> Utusan Malaysia, Isnin, 16 Oktober, 2000, hal 22.

<sup>8</sup> Dr Fathi Yakan, Islam Era Global, Penerbit Ababil, Yogyakarta, 1996, hal 39.

<sup>9</sup> Prof Madya Mohammed Bin Abu Bakar, Ketua Unit Pengajian Strategik dan Antarabangsa, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Beliau adalah panel jemputan di dalam sesi Wacana Pemikir yang bertajuk Keselamatan Negara Dalam Era Globalisasi, yang telah diadakan di Maktab Pegawai Kanan PDRM, Kuala Lumpur pada 27 Jun 2000. Penulis telah hadir sebagai peserta.

<sup>10</sup> Dr Fathi, Islam Era Global, hal 5

<sup>11</sup> Ibid., hal 10.

<sup>12</sup> Prof Madya Mohammed.

<sup>13</sup> Dr Muhammad Uthman El Muhammady, Institusi Masjid Yang Bersifat Futuristik, Konvensyen Ke arah Pemantapan Institusi Masjid, Kuala Lumpur, 30 Jun 1997.

TV) dan umat Islam mesti menentang semua itu dengan ketaatan, kekuatan moral dan keagamaan, demi untuk mengelakkan keagungan Islam dari tersinar.<sup>14</sup>

## Konsep Pembangunan

Menurut **Prof M. T. Kandil**, konsep pembangunan biasanya difahami kebanyakan orang sebagai usaha-usaha yang boleh membawa kemajuan material atau fizikal kepada sesebuah negara atau masyarakat. Pembangunan ini meliputi aspek infrastruktur, pembangunan industri, skim perumahan, mendirikan sekolah, hospital dan sebagainya. Kesemuanya ini memang satu usaha yang baik akan tetapi konsep pembangunan secara Islam adalah lebih luas dan bersifat integrasi. Pembangunan secara Islam berkisar di sekitar manusia, bertujuan membentuk peribadi Muslim yang soleh dengan ertikata yang lengkap dan sebenarnya yang sesuai dengan kehendak firman Allah swt yang bermaksud:

*'Maka sesungguhnya bumi ini diwarisi oleh hamba-hamba Ku yang soleh (paling layak)'.<sup>15</sup>*

Jika proses pembangunan ummah dapat diusahakan mengikut panduan Islam maka terselamatlah proses itu dari segala gejala tidak sihat yang sentiasa berlaku. Untuk menuju ke arah matlamat itu, maka masjidlah yang seharusnya dianggap sebagai satu-satunya institusi yang berupaya memainkan peranan utama dalam pembentukan peribadi Muslim yang unggul, bermoral dan layak mengambil bahagian secara cergas di dalam berbagai bidang pembangunan dan kemajuan ummah.<sup>16</sup>

## Masjid Zaman Rasulullah saw

Menurut M. Quraish, ketika Rasulullah saw berhijrah ke Madinah, langkah pertama yang Baginda saw lakukan adalah membangunkan masjid kecil yang berlantaikan tanah dan beratapkan pohon kurma. Dari sana baginda membangunkan masjid yang besar, membangunkan umat sehingga

kota tempat Baginda membangun itu benar-benar menjadi Madinah(seperti namanya) yang erti harfiahnya adalah '**tempat peradaban**' atau paling tidak, dari tempat tersebut lahir benih peradaban baru umat manusia.<sup>17</sup>

Menurut **Amaludin Darus** di dalam bukunya '**Kembali ke Masjid**', Nabi saw telah mendirikan masjid di Madinah, satu-satunya masjid yang diizinkan dibina atas dasar taqwa (Surah Al Taubah ayat 108) yang merupakan alat perpaduan politik Islam. Justeru kerana itulah, fungsi masjid di dalam Islam, maka Nabi saw telah perintahkan supaya dibakar sahaja sebuah masjid lain yang telah dibina oleh Abdullah bin Ubai kerana pembinaannya akan memecah-belahkan umat Islam di Madinah ketika itu.<sup>18</sup>

Jelasnya masjid menjadi pusat ibadat Nabi saw dari awal dan seterusnya menjadi pusat sahsiah dan keagamaan umat Islam. Di sini Nabi saw menghimpun umat Islam untuk beribadat, Baginda berkhotbah, berbicara tentang hidup, kerohanian dan hidup kemasyarakatan. Di sini Nabi mengawal kehidupan keagamaan, kerohanian dan siasah umat Islam. Di sini juga Nabi memutuskan hukuman, menghantar keluar tentera untuk pergi berjihad, rombongan keluar berdakwah dan di sini diadakan pertemuan dengan wakil-wakil asing. Masjid jadi nadi dan pusat gerakan Islam yang terpenting dalam kehidupan umat Islam seluruhnya.<sup>19</sup>

## Pusat Pendidikan

Menurut Dr Muhammad Uthman, masjid ketika zaman Nabi saw bukan sahaja merupakan markas pendidikan bahkan ianya juga sebagai Universiti umat Islam. Di sana Nabi saw mengajar Al Qur'an, hadith, ilmu Islam yang lain hingga masjid Madinah berkembang menjadi pusat pengajian Islam yang tersohor. Sistem Madrasah yang terkenal di dalam sejarah pendidikan Islam bermula daripada pendidikan masjid. Sebagai pusat pengajian Islam, Masjid Nabawi menjadi Institut Pengajian Islam yang pertama dalam sejarah di mana gurunya Nabi saw sendiri manakala anak muridnya adalah terdiri dari para sahabat-sahabat yang kemudiannya

Sebelum tertubuhnya pasukan Askar Melayu, Pasukan Sukarela Melayu telahpun wujud sejak tahun 1902, namun ia bukan pasukan tetap dan sepenuh masa. Pasukan ini ditubuhkan dan dianggotai oleh kebanyakan pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan yang dianggap sebagai aktiviti luar sahaja. Ini adalah kerana pihak British berpendapat bahawa orang-orang Melayu tidak layak menjadi tentera. Mereka bimbang sekiranya orang-orang Melayu yang diambil berkhidmat dalam pasukan tentera akan bersikap menentang dan memberontak. Selain itu, pegawai-pegawai British sendiri meragui bahawa perangai orang-orang Melayu yang dianggap suka berpeleseran, malas dan tidak mewarisi tradisi ketenteraan pasti akan memberontak dan menentang terhadap disiplin ketenteraan yang diperkenalkan oleh British.



*Askar-awak "Malay States Guards" yang memukul British berbelanggung 1933*  
Untuk pertahanan




*Malay States Volunteer Regiment (M.S.V.R)-1930*

Perkara ini tidak menyenangkan Raja-Raja Melayu pada masa itu dan merasa kecewa kerana pasukan keselamatan hanya terdiri dari golongan bukan bumiputera. Cadangan dan desakan telah dibuat oleh Pasukan *Malay States Volunteer Regiment* (M.S.V.R) agar penubuhan pasukan Askar Melayu diwujudkan. Pegawai Kanan British, Arnold Bailey menyokong agar penubuhan Askar Melayu dipandang dengan serius kerana bukti kecemerlangan telahpun dipamerkan oleh Pasukan Polis dan Askar Timbalan Setia Negeri Johor.

**Pemakaian Peak Cap.** Peak Cap dipakai sebagai penutup kepala semasa memakai pakaian No 2 (Bush Jacket) bagi semua pegawai dan juga SMR di dalam perkhidmatan TDM. Bermula dengan pendudukan British di Tanah Melayu, pegawai-pegawai British telah mula memakai peak cap bersama pakaian seragam tentera semasa perbarisan, lawatan dan juga aktiviti rasmi yang diadakan di pasukan atau luar pasukan.

**Pemakaian Songkok.** Songkok merupakan penutup kepala yang telah lama digunakan oleh orang Melayu sebelum penjajahan British di Tanah Melayu. Ianya merupakan warisan, simbol serta identiti bangsa Melayu. Kebiasaannya diperbuat daripada baldu dan berbentuk bujur seperti kapal dan dipakai oleh kaum lelaki Melayu semasa upacara istiadat dan lain-lain upacara. Pemakaian ini dikaitkan dengan kesopanan, keyakinan, budi bahasa, lambang kemelayuan dan juga sebagai penutup kepala. Tradisi pemakaian ini masih lagi digunakan sehingga sekarang di dalam pelbagai bentuk dan perhiasan sebagai simbol sesuatu perkhidmatan agar ianya menampakkan kekemasan kesegakan dan juga mengekalkan budaya serta tradisi Melayu.

Songkok merupakan pemakaian tutup kepala yang telah dipakai oleh anggota bawahan dan juga pegawai semasa mula penubuhan Askar Melayu. Songkok dipakai bersama pakaian istiadat dan pakaian kerja. Songkok menjadi pakaian gemilang yang dipakai bukan sahaja oleh anggota dan pegawai Melayu, malahan pegawai-pegawai British juga turut mengenakan songkok ini sebagai pakaian harian. Pegawai British tidak merasa kekok dengan memakai songkok sebagai pakaian harian malah mereka turut rasa berbangga kerana tradisi pemakaian orang Melayu ini dapat dikongsi bersama oleh mereka.




Tiga jenis pakaian bagi Askar Melayu pada peringkat awal, Pakaian Perbarisan



Anggota Kompeni Percubaan bersama Lt Kol G. McL Bruce


Walaupun songkok menjadi pakaian utama pasukan Askar Melayu pada masa itu, terdapat juga pegawai tertinggi British yang memakai peak cap pada pakaian kerja harian mereka. Walau bagaimanapun, songkok masih dipakai dengan pakaian istiadat bagi upacara perbarisan dan penganugerahan pingat. Empat orang anak Melayu yang pertama di dalam Rejimen Askar

Melayu DiRaja yang telah dilantik menjadi pegawai ialah 2/Lt Ibrahim bin Sidek, 2/Lt Ismail bin Tahar, 2/Lt Ariffin bin Haji Sulaiman dan 2/Lt Raja Lope Nor Rashid begitu segak sekali dengan pemakaian songkok semasa majlis penyerahan pedang di hadapan Bangunan Persekutuan.




Empat anak Melayu ditauliahkan sebagai pegawai- 4 Nov 1936

Pemakaian songkok telah menjadi kebanggaan Askar Melayu mulai tahun 1933 sehingga 1947, keberanian Askar Melayu bukan hanya terletak kepada usaha membanteras komunis, tetapi kesegakan berpakaian menjadi lambang keteguhan dan keutuhan bangsa Melayu. Semasa awal penubuhan Askar Melayu, kebanyakan upacara rasmi yang melibatkan pegawai Melayu dan British memakai songkok sebagai penutup kepala. Ini jelas menunjukkan bahawa songkok sesuai dipakai dalam apa juga upacara.



Kapten Nayan (kiri) dan Lt Kol J.R.G Andre (kanan) ketika Perang Dunia Kedua meletus

Sebagai perbandingan, Tentera Diraja Brunei juga memakai songkok semasa memakai pakaian *Bush Jacket* dan pakaian istiadat. Ini menunjukkan bahawa mereka merasakan bahawa memakai songkok merupakan pakaian tradisi yang bersesuaian dan harus dikenalkan seiring dengan budaya Melayu Brunei dalam mengekalkan nilai-nilai dan adat-adat ketimuran.



Leftenan Jeneral Tunku Usman Jewa (kiri) dan Brig Jen Hamid Bidin



Tiga sahabat dari kumpulan 17 Leftenan Muda Abd Manan (kiri), Leftenan Muda Hamid Bidin (kanan) dan Leftenan Muda Maulud Abd Samad - 1947

Perubahan juga telah berlaku dari segi pemakaian sejak penubuhan Askar Melayu mengikut arus semasa. Pemakaian songkok telah ditukar kepada peak cap dan songkok hanya digunakan bagi upacara mengadap sembah Sultan, upacara pengkebumian dan lain-lain acara istiadat.

## PENUTUP

Setelah hampir 50 tahun negara Malaysia mencapai kemerdekaan dan selama itu juga ketuanan Melayu telah diserahkan semula kepada bangsa Melayu. Peluang ini sepatutnya telah digunakan oleh bangsa Melayu untuk memartabatkan semula dan membebaskan diri dari budaya dan ciri-ciri bangsa penjajah dalam semua aspek kehidupan. Pemakaian songkok akan dapat mengimbas kembali pemakaian songkok sebagai pemakaian awal semasa penubuhan Rejimen Askar Melayu DiRaja. Ini telah dibuktikan oleh 25 anak Melayu yang mula memakainya.



*Lt Ibrahim Alla Ditta (kiri) dan Kapt Nayan (kanan)  
berpakaian songkok*

Ianya juga sebagai satu simbol pengenalan, penghormatan dan memartabatkan bangsa Melayu. Ianya juga dipakai oleh pegawai kerajaan yang terlibat di peringkat antarabangsa. Pemakaian songkok menggambarkan lambang jati diri bagi bangsa Melayu. Orang Melayu akan lebih nampak berkeyakinan semasa memakainya. Oleh itu pemakaian songkok dilihat sebagai sesuatu yang amat wajar dan harus dilaksanakan dengan penuh kebanggaan. Pakaian ini merupakan pakaian yang dapat melambangkan keunikan dan mengekalkan ciri identiti bangsa Melayu itu sendiri. Warisan Melayu harus dikekalkan agar tidak ditelan zaman, seperti kata Hang Tuah 'Takkan Melayu Hilang Di Dunia'.



*Lt Adnan Saidi, gugur di Bukit Candu pada 14. 2. 1942.*

## RUJUKAN

- Abbas Alias dan Norwani Md Nawawi. (2003). *Pakaian Melayu Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohammad Rakawi Yusuf. (1999). *Ensiklopedia Sejarah dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmat Hj Abd Rahman. (2004). *Songkok Selling Like Hot Cakes For Raya*. Internet.
- Abdul Halim Othman. (1993). *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Wan Hashim Wan Teh. (1993). *Peranan Askar Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- YB Tan Sri Dato' Haji Mubin Sheppard. ((1978). *The Malay Regiment 1933-1947*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muzium Negeri Kedah Wawancara dengan Puan Fauziah, pengkaji Sejarah Melayu Negeri Kedah pada 21 Oktober 2004.



Lt Kol (B) Saiful Anwar bin Md Ali telah ditauliahkan kedalam Rejimen Askar Melayu DiRaja pada 23 Feb 1985. Beliau pernah memegang berbagai jawatan dalam pasukan, Kor dan Markas Formasi serta jurulatih di ATMA. Memiliki Diploma Lanjutan Pengajian Strategi dan Keselamatan (UKM), Diploma Strategi dan Pertahanan (UM) serta memperolehi Ijazah Sarjana dalam bidang Kajian Dasar dan Keselamatan dari UKM. Beliau kini bertugas sebagai Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi di Universiti Teknologi Mara, Kampus Kota Semarahan Sarawak.

# PENGURUSAN PROJEK JURUTERA: PENGALAMAN SERIBU SATU CABARAN



Oleh Mej Wan Ahmad Zamri bin Abdullah

## Sinopsis

Sebuah seksyen yang terdiri daripada anggota-anggota RAJD yang mempunyai pelbagai ketukangan adalah merupakan unit paling kecil RAJD namun berupaya untuk melaksanakan sama ada projek mendatar atau menegak, di lembah atau bukit-bukau, di daratan atau lautan dan ianya menepati motto kebanggaan RAJD - *ubique* (di mana sahaja). Peringkat perancangan adalah mengenalpasti rekabentuk dan sumber-sumber serta tenaga kerja projek. Seterusnya mengukur kawasan dan melaksanakan kerja-kerja tanah bagi pembinaan jalan atau tapak kem/bangunan diikuti dengan kerja-kerja pembinaan bangunan. Selaku entiti tunggal yang bertanggungjawab dalam tugas ini, semestinya aspek kemahiran kejuruteraan, profesionalisme dan etika ketenteraan adalah seiring bila mana warga Sappers terlibat dalam sesuatu Projek Jurutera.

## PENDAHULUAN

Rejimen Askar Jurutera DiRaja (RAJD) adalah salah satu daripada komponen Tentera Darat (TD) yang berperanan selaku pasukan bantuan tempur untuk membantu TD memenangi sebarang peperangan. Selain daripada itu, antara peranan dan tugas utama yang turut dijunjung oleh RAJD adalah memenuhi obligasi nasional dalam projek-projek pembangunan negara. Pengalaman-pengalaman yang dilalui telah memberi pengajaran yang cukup bermakna kepada warga RAJD yang juga dikenali sebagai sappers tatkala berhadapan dengan pelbagai cabaran, halangan dan ujian yang getir dalam menyiapkan sesuatu tugas projek.

Bagi agensi perlaksanaan projek awam sama ada terdiri daripada agensi kerajaan atau swasta, cabaran-cabaran konvensional yang lazimnya dihadapi oleh mereka adalah berkaitan dengan masalah perolehan tender projek, masalah kelulusan spesifikasi oleh pihak berwajib dan masalah peningkatan kos projek. Sebaliknya masalah dan cabaran yang dihadapi oleh RAJD adalah berkisar kepada perkara-perkara seperti notis memulakan projek yang singkat, tempoh

projek perlu dipendekkan, kemahiran anggota dan peralatan yang digunakan. Sungguhpun perkara-perkara tersebut kelihatan kecil, namun ianya adalah permulaan kepada satu detik kesukaran yang boleh berubah menjadi satu rentetan masalah yang panjang sekira tidak ditangani dengan baik. Ini disebabkan aspek-aspek utama dan fakt-fakta teknikal dalam proses pembinaan seringkali dikesampingkan oleh pihak-pihak yang terbabit bagi tujuan-tujuan tertentu dan secara tidak langsung akan mengubah haluan projek.

Dengan kesedaran sedemikian, artikel ini akan membincangkan cabaran-cabaran pengurusan projek melalui perspektif skuadron medan RAJD dengan menyusurgalur pendekatan pengurusan projek yang diperlakukan.

## SENARIO PROJEK-PROJEK JURUTERA

Bagi merealisasikan amanah dan tugas yang dipertanggungjawabkan ini, sepanjang sejarah penubuhan RAJD yang melewati setengah abad telah menyaksikan pelbagai projek dilaksanakan yang membabitkan organisasi-organisasi dalam


Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan juga pihak awam. Di antara projek-projek yang sinonim dengan RAJD adalah seperti pembinaan Jambatan Bailey Temerloh, Projek Dusun Tua, Projek Pulau Redang, Terumbu Layang-layang, Laluan Jip Gunung Tahan, Operasi Pemindahan Gajah termasuklah pembinaan *forward camp* seperti Kem Gubir, Pangkalan Hulu dan Padang Senai. Malah ratusan lagi projek-projek pembinaan sama ada mendatar atau menegak di seluruh pelusuk negara adalah manifestasi mengenai komitmen warga sappers yang terpahat dalam lipatan sejarah RAJD.

Adalah diperakui bahawa projek-projek yang dihasilkan oleh RAJD hanya berskala kecil dan tidak mungkin dapat menandingi kemasyhuran pembinaan KLCC, Kompleks Daya Bumi atau Jambatan Pulau Pinang dan jauh sekali untuk dikategorikan sebagai *Seven Wonders of the World* seperti Tembok Besar China, Taj Mahal atau Piramid Giza Mesir. Ini disebabkan binaan atau kerja-kerja yang membabitkan RAJD tidaklah mahal harganya, bukan canggih binaannya dan tidak juga tinggi nilai estetikanya. Tidak ada gahnya bagi satu Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) atau pembinaan jambatan kayu sepanjang 50' di sebuah perkampungan kecil, sekadar projek untuk rakyat terutama dari kalangan berpendapatan rendah termasuk balu-balu dan golongan kurang upaya.

Seperkara yang perlu diingat dalam pembinaan projek, pada hakikatnya kontraktor awam memohon dan membida tender di mana lazimnya faktor ringgit dan sen serta untung rugi menjadi asas perkiraan dalam melaksanakan projek mereka. Oleh itu walau sekecil mana projek yang disanggupi oleh mereka mestilah memberi keuntungan yang lumayan dan tentunya bukan kerugian sama sekali. Adalah sukar untuk melihat syarikat-syarikat awam terlibat dalam projek-projek kecil seperti PPRT. Mana mungkin bagi mereka mengharapkan untung yang besar untuk sebuah rumah PPRT yang peruntukannya di bawah RM 10,000. Bagi RAJD pula, setiap perlaksanaan projek adalah satu tugas semata-mata apabila diarahkan dan ditaklidkan sebagai yang diberi tanpa perlu meminta, yang datang tanpa dicari dan yang akur bila diarah. Selaku organisasi yang bukan bermatlamatkan keuntungan, RAJD adalah pilihan terbaik untuk melaksanakan projek-projek sama ada yang perlu disiapkan segera atau projek tidak efektif kos sekiranya dilaksanakan

oleh kontraktor awam atau projek yang mempunyai dana yang kecil atau terpaksa bertindak sebagai *white knight* untuk menyiapkan projek-projek terbengkalai.

Dalam konteks perlaksanaan projek setelah diaturgerakkan semasa darurat atau bencana alam, RAJD perlu pantas membina rumah untuk mangsa-mangsa kebakaran, perlu cepat membina jambatan yang dihanyut oleh air bah besar dan mesti segera membina jalan yang tertimbus oleh tanah runtuhan. Dalam ertikata lain, persoalan masa tidak lagi penting apabila berhadapan dengan situasi yang genting dan memerlukan komitmen yang terbaik. Namun adalah kurang wajar semasa dalam keadaan aman damai, sekiranya perlaksanaan sesuatu projek dibayangi oleh keperluan-keperluan yang kurang munasabah di mana pada akhirnya menjelma menjadi permulaan kepada satu masalah. Sekiranya fenomena ini berterusan maka cabaran, halangan dan ujian getir yang dihadapi akan menjadi bertambah kompleks dan memerlukan satu kaedah pengurusan projek yang tuntas oleh pegawai dan anggota RAJD yang terbabit.



## KEKANGAN-KEKANGAN TRADISI

Dalam perlaksanaan projek terdapat pelbagai kekangan yang perlu dihadapi, secara tradisinya terdapat tiga kekangan yang dikenalpasti sebagai **skop**, **masa** dan **kos**. Ianya juga dikenali sebagai Segitiga Pengurusan Projek di mana perubahan yang berlaku terhadap satu kekangan akan memberi impak kepada kekangan yang lain.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> <http://www.wikipedia/ the free encyclopedia/project management>

Kekangan masa adalah merujuk kepada masa yang ada untuk menyiapkan sesuatu projek. Kekangan kos adalah jumlah perbelanjaan yang diperlukan untuk menyiapkan sesuatu projek manakala kekangan skop adalah merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang dirangka bagi menghasilkan produk akhir projek. Ketiga-tiga kekangan ini menyaingi di antara satu sama lain di mana penambahan skop secara tipikalnya akan turut berlaku penambahan masa dan peningkatan kos. Sekiranya berlaku pengurangan masa memungkinkan peningkatan kos tetapi berlaku pengecilan skop. Manakala bajet yang kecil boleh menyebabkan penambahan masa dan pengecilan skop.

Di samping wujudnya teori berkaitan antara kekangan yang boleh dibahaskan secara akademik dan menjadi kefahaman asas kepada pelajar dalam pengajian ekonomi atau pengurusan, kita dapat lihat satu pola kekangan yang unik berlaku dalam menguruskan projek pembinaan yang boleh dikaitkan dengan sistem hirarki ketenteraan. Sama ada pola tersebut memberi natijah positif atau sebaliknya, tapi apa yang pasti ianya adalah pemangkin kepada cabaran, halangan dan ujian kepada RAJD selaku agensi perlaksanaan projek dalam TD. Pemerhatian penulis dapat dikaitkan kepada perkara-perkara berikut:



**\* Keperluan Menyiapkan Projek Dalam Masa yang Singkat.** Lazimnya penugasan yang membabitkan RAJD adalah bersifat reaktif di mana sesuatu projek dilaksanakan hanya sesudah tercetus suatu keperluan yang diarahkan sama ada oleh formasi atasan atau pihak berkuasa awam yang merupakan pelanggan RAJD. Kebanyakannya tidak

dirancang di dalam kalender aktiviti pasukan dan pada kebiasaannya RAJD merupakan agensi yang paling akhir dirujuk untuk tujuan pembinaan pada saat-saat akhir. Hal yang demikian terjadi mungkin di atas tanggapan bahawa skala projek yang diberikan kepada RAJD pada umumnya kecil dan tidak begitu kompleks seperti pembinaan sebuah rumah berukuran 20' x 40' atau sebuah surau atau penyediaan tapak sebuah padang bola.

Adakalanya terdapat keperluan untuk memendekkan tempoh pembinaan disebabkan projek berkenaan akan disesuaikan dengan acara-acara utama yang terlebih dahulu ditetapkan. Contoh yang biasa adalah projek tersebut perlu disiapkan untuk diserah atau dirasmikan pada tarikh-tarikh tertentu. Di atas keperluan tersebut, terup RAJD akan diaturgerak dalam notis yang singkat dan akan membuat penyesuaian kerja bagi menyempurnakan misi mereka. Oleh itu persoalan masa yang ideal bagi aspek perancangan telah menjadi kurang penting di mana ruang masa yang terhad ini akan membataskan perancangan yang teliti dan juga kajian-kajian yang mustahak tidak dapat dilakukan. Justeru bagaimana RAJD menyempurnakan misi dalam tempoh yang ditetapkan dan dalam masa yang sama mencapai jaminan kualiti binaan adalah satu paradoks.




**\* Kemahiran Ketukangan Anggota.** Peranan dan tugas utama RAJD adalah membantu TD dalam operasi ofensif dan defensif di mana semua warga RAJD dilatih dan dipersiapkan dalam kerja-kerja kejuruteraan tempur. Majoriti anggota terdiri

dari pada ketukangan Jurutera Tempur manakala ketukangan-ketukangan yang lain adalah termasuk dalam kategori kejuruteraan awam, kejuruteraan jentera, kejuruteraan elektrik di samping ketukangan dalam komunikasi dan logistik. Sebagaimana anggota TD yang lain, warga RAJD tidak tertumpu kepada kerja-kerja berteraskan ketukangan semata-mata bahkan sebahagian besar masa diperuntukkan bagi aktiviti rejimental dan aktiviti sosial. Secara tidak langsung corak penugasan semasa dan rutin pasukan tidak banyak membantu anggota-anggota mendapat atau mengasah kemahiran-kemahiran dalam ketukangan masing-masing ke tahap tertinggi.

Berbeza di sektor awam atau swasta di mana kemahiran digunakan sebagai satu sumber mata pencarian khusus dan dilakukan untuk satu tempoh yang panjang dan insentif kepada peningkatan kemahiran adalah imbuhan dalam bentuk pangkat dan ganjaran. Umpamanya seorang Jurubina Bangunan Berasaskan Kayu di sektor awam akan memulakan kerjaya sebagai tukang kayu biasa dan mungkin akan menamatkan perkhidmatan sebagai Penyelia Bangunan Berasaskan Kayu. Perlu diingat bahawa pekerjaan dalam bidang tersebut dilakukan secara konsisten untuk puluhan tahun serta berupaya mencapai tahap kemahiran tertinggi. Secara umum sekiranya dibandingkan dengan pekerja awam, tahap kemahiran warga sappers adalah satu tahap terkebelakang walaupun mereka memiliki ketukangan yang sama. Walau bagaimanapun dalam aspek modal insan, warga sappers adalah *Jack of all trades* dan *well rounded* serta tetap menjadi antara aset utama TD. Namun apabila dikaitkan dengan hasil akhir kerja-kerja projek, kemahiran ketukangan akan menjadi satu bentukkekangan dan dilema seterusnya adalah bagaimana RAJD mendapatkan kepuasan bekerja dan jaminan mutu kerja projek dengan nilai estetika yang tinggi.

**\* Penggunaan Teknologi yang Moden dan Canggih.** Rekabentuk struktur binaan yang tidak begitu kompleks, saiz projek yang kecil dan kurang kekerapan penglibatan dalam projek pembinaan menjadikan RAJD tidak begitu dinamik dalam memaksimumkan

peralatan-peralatan yang berteknologi tinggi dan canggih. Justeru ianya telah sedikit sebanyak membantutkan kefahaman ke arah perkembangan yang menyeluruh dalam memahami penggunaan peralatan-peralatan yang berteknologi tinggi dan canggih. Malah kemasukan peralatan-peralatan tersebut ke dalam inventori RAJD sukar direalisasikan apabila penggunaannya tidak dapat diberi justifikasi yang kukuh. Keadaan ini merupakan satu kerugian kepada RAJD dalam tempoh jangka panjang. Di sini dilemanya adalah bagaimana RAJD dapat mengeksplor peluang untuk menggunakan peralatan-peralatan terkini dalam kerja-kerja pembinaan dan seterusnya menghasilkan satu projek dengan mudah dan secara profesional.



## MENANGANI KEKANGAN DAN CABARAN

Dalam mengatasi kekangan dan cabaran semasa perlaksanaan projek, seseorang ketua projek telah dididik untuk mengambil pendekatan terbaik dan penuh komited terhadap tugas. 5 faktor dominan bagi menghadapi sebahagian daripada cabaran-cabaran tersebut dapat diperincikan seperti berikut:

**\* Kepelbagai Gaya Kepimpinan.** Di awal tahun 1960an dan era pasca PERISTA di awal tahun 1980an menyaksikan kemasukan ke dalam perkhidmatan ATM terdiri daripada rata-rata pegawai berkelulusan MCE dan SPM. Dengan berbekalkan ilmu-ilmu dipelajari di Sekolah Jurutera Tentera Darat (SJTD) (sekarang Institut Kejuruteraan Medan


TD), di bahu mereka lah segala tugas projek dipertanggungjawabkan. Di samping tugas hakiki sebagai ketua terup, mereka turut memain peranan sebagai seorang perancang bandar, arkitek, juruukur, jurutera awam, jurutera ukur bahan. Tanggungjawab yang berat ini turut menuntut kematangan walaupun seorang pegawai sappers berpangkat Lt Muda, beliau semestinya boleh duduk berbincang mengenai sesuatu projek dengan Panglima Briged semasa melaksanakan projek dalam briged berkenaan. Beliau juga seharusnya boleh berinteraksi dan mempengaruhi seseorang wakil rakyat semasa melaksanakan projek dalam kawasan wakil rakyat berkenaan. Beliau merupakan wakil pasukan dan tindak-tanduk beliau adalah mencerminkan RAJD secara amnya.

Kepimpinan yang tegas tapi mesra terhadap anggota bawahan akan menjadikan seseorang pegawai sappers dihormati lagi disegani. Kepekaan terhadap kebijakan adalah perkara pokok dalam mentadbir anggota di kawasan projek. Walaupun ramai yang melihat perkara kebijakan tertumpu kepada cuti dan bentuk ganjaran wang sahaja tetapi aspek utama adalah dalam bentuk pentadbiran iaitu, pertama adalah melalui penekanan terhadap penjagaan kesihatan seperti kebersihan dan kekemasan tempat tidur, tempat makan, tandas dan kawasan tempat kerja. Penguatkuasaan peraturan-peraturan di medan sebagaimana yang dilakukan di kem seperti baris pagi, *bed layout* dan rutin yang lain adalah satu langkah yang akan memberi manfaat kepada semua pihak. Ini termasuklah rutin tambahan seperti baris makan ubat pansidar (ubat anti malaria) dan sistem pelupusan sisa makanan dari kawasan projek. Ianya wajar selagi berada dalam kerangka fleksibel kerana ramai berpendapat boleh berbuat apa saja apabila menjalankan tugas di kawasan projek dan menganggap rutin-rutin sedemikian adalah menyusahkan.

Kedua, aspek santai dan selesa iaitu menyediakan peralatan sukan, hiburan dan lain-lain peralatan bagi keselesaan anggota terutama selepas waktu kerja. Pada kebiasaannya kawasan projek terletak di kawasan terpencil, jadi ketua projek perlu

berusaha lebih untuk memberi keselesaan kepada anggota-anggota projek. Antaranya adalah mendapat bekalan air bersih melalui sumber pili bomba setelah diluluskan tanpa bergantung kepada sumber-sumber dari sungai atau perigi. Malah pada satu ketika dulu penggunaan peti sejuk medan yang menggunakan minyak tanah adalah pilihan terbaik untuk menentukan rangsum basah tidak rosak untuk tempoh yang lama. Penyediaan surau bagi anggota beribadat adalah satu usaha yang dapat meningkatkan aspek *spiritual* anggota dan sekaligus dapat menunaikan tanggungjawab agama seorang pemerintah kepada anggota bawahannya.

Ketiga, mengadakan sistem perbincangan dengan memanfaatkan waktu malam dengan semua ketua seksyen mengenai kemajuan projek. Dalam situasi santai, ruang untuk berbincang dapat dibuka dengan seluas mungkin apabila perbincangan tersebut dalam keadaan tidak formal. Justeru di samping pengetahuan teknikal, gaya kepimpinan yang *versatile* dan PR yang baik seseorang pegawai sappers adalah satu aset yang penting bagi mendapat kepercayaan pihak atas dan ketaatan anggota bawahan yang dipimpin.



\* **Matlamat Berorientasikan Sasaranku Langit.** Sasaranku langit yang tinggi...tiada gunung terlalu tinggi buat kami daki di siang hari, tiada jurang terlalu dalam buat kami turun di malam kelam... kamilah perwira remaja Malaysia adalah di antara lirik lagu yang berkumandang di Sekolah Tempur Pegawai Muda di awal tahun 1980an. Generasi demi generasi pegawai muda TD telah dilatih memfokuskan setiap misi tugas agar disempurnakan kepada tahap tertinggi. Lebih tepat bagi generasi yang pernah terlibat secara

langsung dalam operasi menentang pengganas komunis di mana mereka mempunyai dua pilihan sama ada membunuh atau dibunuh. Dalam perjuangan antara hidup dan mati, semangat lirik lagu di atas telah dihayati agar terus berpegang teguh kepada satu sasaran yang tinggi demi kelangsungan hidup. Tiada pilihan dalam tugas kecuali kita terus berusaha melakukan kerja-kerja tersebut walaupun orang lain tidak sanggup. Jika berpeluang pilih kalangan mereka yang terbaik dalam pasukan demi untuk mendapat hasil kerja yang terbaik dalam sesuatu tugas.

Rasanya tidak ramai yang sanggup masuk ke kawasan operasi sebaik sahaja menyiapkan projek seperti yang ditunjukkan oleh No. 1 Terup 1 Skn RAJD iaitu setelah selesai membuat projek jambatan di Baling, Kedah terus menjalani OP Kota Charlie Delta di Gubir tanpa balik ke pangkalan di Taiping terlebih dahulu. Pastinya kaum keluarga di pangkalan tidak dapat dimaklumkan kerana tiada kemudahan telefon bimbit, SMS atau *e-mail* pada masa itu. Tidak ramai yang mengetahui terdapat satu kumpulan tadbir yang hanya menggunakan bot tempur buatan Hong Leong Dockyard membelah ombak Laut China Selatan setiap hari untuk menghantar catuan dan alat ganti dari tanah besar ke penempatan Projek Pulau Redang. Betapa demi mencapai matlamat yang disasarkan, mereka yang terlatih akan sanggup mempertaruhkan jiwa dan raga demi melaksanakan tugas. Semasa dalam operasi menawan Manila semasa Perang Dunia Kedua, Jen MacArthur telah mengarahkan salah seorang panglima div;

*"Bob, I'm putting you in command at Buna. Relieve Harding. I am sending you in. Bob, and I want you to remove all officers who won't fight. Relieve regimental and battalion commanders if necessary, put Sergeants in charge of battalions and Corporals in charge of companies – anyone who will fight. Time is of the essence, the Japs may land reinforcements any night... I want you to take Buna, or not come back alive"*<sup>2</sup>

<sup>2</sup> Matthews, Lloyd J. & Brown, Dale E. The Challenge of Military Leadership. Virginia: Pergamon-Braseys, 1989. P.94

\* **Usaha Berterusan dengan Inisiatif yang Tinggi.** Perkataan keramat inisiatif digunakan dengan meluas di dalam TD yang merujuk kepada sesuatu usaha yang dilakukan dengan sedaya upaya untuk memperolehi atau menyiapkan sesuatu tugas terutama apabila perlaksanaan kerja tidak berjalan lancar sebagaimana yang dirancang. Bahkan *beg, borrow or steal* atau *I don't bloody care* merupakan ungkapan yang biasa dikeluarkan terutama oleh pegawai atasan kepada anggota yang memberi erti bahawa hanya satu pilihan, sesuatu tugas mesti diselesaikan walau bagaimana cara sekalipun.

Banyak cerita dan kisah seperti terup RAJD yang sedang melaksanakan projek di Kem Gubir telah keluar ke Sungai Petani tanpa kenderaan pengiring keselamatan semata-mata untuk mendapatkan dua tin cat<sup>3</sup>. Terup RAJD yang berada di Terumbu Layang-layang mengambil inisiatif bagaimana hendak membina tapak penempatan di terumbu di tengah-tengah lautan yang bergelora. Terup RAJD yang terlibat dalam operasi pemindahan gajah di Tasik Banding mengambil inisiatif bagaimana hendak membina dan melancarkan rakit gergasi walaupun tanpa kemudahan dockyard. Kesemuanya ini memaksa ketua projek mempunyai kefahaman yang tinggi dan inisiatif yang berterusan agar usaha-usaha mereka menjadi kenyataan sungguhpun tanpa pembelajaran formal dan tidak tercatat di dalam mana-mana buku teks. Dalam hal ini anggota-anggota projek seharusnya mempunyai kemahiran yang tinggi dalam aspek modifikasi dan penggunaan sumber-sumber tempatan.

\* **Kerja Lebih Masa.** Secara umumnya, persoalan masa dan waktu tidaklah menjadi perkara yang besar kepada anggota-anggota TD kerana telah terlatih untuk diaturgerak pada bila-bila masa, dalam apa jua keadaan, siang atau malam, panas atau hujan. Sehingga terdapat moto pengurusan masa yang agak tersohor di kalangan warga TD untuk bekerja selama '25 jam sehari dan lapan hari seminggu'. Kefahaman sebegini yang tertanam dalam benak setiap individu telah melahirkan satu

<sup>3</sup> Semasa itu ancaman pengganas komunis masih berleluasa terutama di sempadan Malaysia-Thailand.

budaya kerja yang cukup penting tanpa memikirkan imbuhan dan ganjaran walaupun bertugas di luar waktu kerja.

Dalam pembinaan projek-projek mega di Malaysia yang menyaksikan kerja-kerja dibuat mengikut syif oleh pekerja-pekerja kontrak, terup RAJD juga bekerja di waktu malam dengan bantuan cahaya lampu gasolin bagi menyiapkan kerja-kerja konkrit semasa membina Wisma Perwira Kem Gubir di sekitar awal tahun 1980an. Terup RAJD juga melaksanakan kerja-kerja kimpalan di waktu malam semasa membina rakit gergasi bagi OP Pemindahan Gajah di Tasik Banding. Tidak ada batasan masa bekerja sama ada siang atau malam walaupun tanpa wang atau elau kerja lebih masa tetapi semata-mata di atas keperluan setiap misi mesti selesai dilaksanakan.

**\* Pendekatan Mesra Masyarakat.** Pada kebiasaannya terup RAJD melaksanakan projek-projek di kawasan pendalaman atau kawasan luar bandar terutama di kawasan sempadan. Projek Jiwa Murni adalah sebahagian daripada strategi KESBAN kerajaan untuk memenangi hati rakyat dalam menentang ancaman pengganas komunis satu ketika dulu. Namun strategi tersebut tidak akan berkesan sekiranya terup yang melaksanakan tugas projek gagal memenangi hati rakyat setempat dan mereka sukar untuk bekerjasama dengan tentera. Pernah satu ketika, pasukan Infantri yang beroperasi di sekitar perkampungan berhampiran kawasan sempadan Malaysia Thailand telah diserang hendap oleh pengganas komunis. Namun terup RAJD yang berada di sana tidak diusik dan dipercayai akan menimbulkan kemarahan orang kampung marah sekiranya *bandit* mengacau atau menyerang anggota RAJD yang membina jalan, jambatan dan rumah untuk perkampungan mereka.

Mengambil kesempatan atas nama Projek Jiwa Murni, pendekatan mesra rakyat yang telah diambil adalah dengan menawarkan pakej bantuan dan perkhidmatan yang lengkap seperti membawa guru agama pasukan memberi slot ceramah di masjid dan surau mereka, mengadakan acara hiburan dengan membawa

kumpulan muzik/band pasukan ke kampung mereka atau setidak-tidaknya mengadakan aktiviti sukan yang melibatkan masyarakat setempat. Malah penguasa-penguasa tempatan seperti penghulu, ketua balai polis termasuk ketua-ketua masyarakat perlu dimaklumkan mengenai kehadiran terup RAJD dalam kawasan mereka. Pakej yang lengkap ini akan memartabatkan lagi TD amnya dan RAJD khasnya di kaca mata masyarakat. Hubungan baik yang dijalankan di antara terup RAJD dengan penduduk kampung mencetuskan suasana yang harmoni dan cukup positif sehingga adalah perkara biasa bagi anggota mendapat calon isteri di kawasan projek. Siapa sangka jodoh anggota yang berasal dari Melaka ada di Pulau Redang. Seterusnya timbul slogan satira di kalangan anggota RAJD iaitu jika batalion infantri berslogarkan *Satu Peluru Satu Musuh* manakala skuadron RAJD pula adalah *Satu Projek Satu Menantu*.

## FAKTOR KEPIMPINAN PENGURUSAN PROJEK JURUTERA

Terdapat tiga peringkat yang dihadapi oleh setiap pegawai sappers apabila ditugaskan untuk mengendalikan projek.

**\* Peringkat Pertama - Perancangan Awal Projek.** Aktiviti-aktiviti yang dilakukan meliputi tinjauan dan penulisan laporan tinjauan. Penulisan laporan akan mengambilkira aspek pentadbiran, tenaga kerja, peralatan kerja, kenderaan dan jentera loji yang terbabit dalam tugas projek. Ianya juga akan memperincikan hubungan dan koordinasi dengan pihak kedua seperti penghulu dan ketua balai polis bagi perkara-perkara keselamatan dan sosial termasuk agensi kerajaan yang lain dan pembekal bagi perolehan bahan bina projek. Pembentangan skop kerja yang menjadi intipati kepada laporan tersebut akan memaklumkan mengenai kerja-kerja yang perlu dalam perlaksanaan projek. Pada kebiasaannya laporan tersebut kena *pancung* sekurang-kurangnya dua kali oleh Pegawai Pemerintah sebelum diluluskan kerana fakta tidak lengkap, masalah SD atau *poor presentation*.

**\* Peringkat Kedua - Perlaksanaan Projek.** D Day, konvoi terup bergerak ke kawasan projek dan terup tersebut dikira berjaya melepas ujian awal sekiranya anggota dan kenderaan termasuk jentera loji semua selamat sampai ke destinasi tanpa mendapat kemalangan atau kerosakan. Kerja-kerja akan dimulakan sebaik sahaja penempatan dan pejabat tapak projek disiapkan. Di sinilah cabaran sebenar pengurusan projek akan bermula apabila kenderaan dan jentera loji mulai mengalami kerosakan. Satu perkara yang paling ketara di mana jentera loji adalah paling *vulnerable* semasa melakukan kerja-kerja tanah disebabkan *transmission hose line* bocor. Kebocoran mudah berlaku terutama kepada jentera loji yang jarang digunakan tetapi bekerja ke tahap maksimum di kawasan projek. Di samping itu juga ialah masalah alat ganti lambat tiba., kekurangan anggota kerana anggota bercuti, berkursus atau sakit dan masalah cuaca buruk. Terdapat juga projek yang mendapat publisiti yang luas dan mendapat tumpuan ramai pihak yang boleh mengakibatkan kerja-kerja projek sedikit terganggu disebabkan banyak siri taklimat terpaksa disampaikan terutama kepada tetamu kenamaan. Berdepan dengan cabaran-cabaran tadi, ketua projek perlu mengambil tindakan-tindakan yang bersesuaian bagi menentukan kelancaran projek yang dipertanggung-jawabkan.

**\* Peringkat Ketiga - Tamat Projek.** Sebaik sahaja projek tamat dan terup kembali ke pasukan, di antara tugas ketua projek adalah menulis laporan tamat projek dan membuat rutin pentadbiran. Di antara aktiviti lain adalah penyemakan stor dan peralatan serta pemulangan peralatan pinjaman dan adakalanya terlibat dengan majlis serah menyerah projek. Namun perkara penting yang menjadi kerisauan ketua projek adalah sekiranya berlaku gejala sosial yang berada di luar kuasa beliau yang terjadi semasa projek masih dilaksanakan tetapi ianya timbul menjadi satu isu setelah projek tamat. Kes-kes yang biasa terjadi adalah seperti anggota terup yang mempunyai hutang-piutang dengan peniaga tempatan atau orang-orang kampung termasuk kes-kes hubungan sulit dengan wanita tempatan. Bagi seseorang ketua projek,

biasanya tempoh bertenang adalah dalam masa tiga bulan dan dianggap bebas daripada masalah sekiranya tiada sebarang aduan diterima dalam tempoh tersebut.

Secara ringkasnya, terdapat tiga elemen yang seharusnya diberi perhatian oleh setiap ketua projek semasa mengendalikan projek:

**\* Elemen Pertama - Anggota Terup Projek.** Merancang keutamaan kerja dan memberi arahan kerja yang jelas kepada anggota projek serta memberi bimbingan dan dorongan untuk bekerja sebagai satu pasukan di samping mengambil berat aspek pentadbiran, kebajikan serta penjagaan moral mereka.

**\* Elemen Kedua - Agensi Luar.** Menjalin hubungan yang baik dengan staf formasi atasan, pasukan sahabat, pemimpin masyarakat setempat dan pihak media. Bekerjasama dengan pihak berkuasa awam dan agensi-agensi luar yang ada hubungkait dengan projek yang dilaksanakan terutama membabitkan aspek perundangan dan birokrasi.

**\* Elemen Ketiga - Pencapaian Projek.** Memenuhi keperluan semua pihak yang mempunyai kepentingan dalam projek sama ada pemohon atau pasukan atau markas atasan. Adalah penting untuk menghasilkan produk akhir projek dengan peruntukan yang diberi, mutu binaan projek yang kemas, menepati rekabentuk asal atau membuat pindaan dengan persetujuan pihak terbabit dan membuat semua bayaran yang perlu serta menyelesaikan aspek kewangan.

Dalam mengatasi kekangan dan cabaran semasa perlaksanaan projek, faktor kepimpinan seseorang ketua adalah merupakan faktor paling utama. Jatuh bangun dan baik buruk perjalanan projek bergantung sepenuhnya kepada beliau. Usaha, inisiatif dan kreativiti beliaulah yang menentukan kelancaran perjalanan projek. Tanpa menafikan faktor peralatan dan jentera turut memberi sumbangan yang besar, tetapi hakikat modal insan masih menjadi perkara mutlak sebagaimana pepatah Inggeris ‘*The man behind the gun is more important than the gun itself*’.

Di samping tugas hakiki sebagai pemimpin tentera, selaku ketua projek beliau seharusnya mempunyai wawasan yang tersendiri mengenai projek yang bakal dilaksanakan dan seterusnya melakar strategi bagi mengambil pendekatan-pendekatan yang bersesuaian dalam melaksanakan tugas tersebut. Beliau juga perlu bertindak sebagai jurulatih yang membimbing anggota-anggota bawahan terutama sekiranya perlaksanaan projek tersebut begitu kompleks. Paling akhir bertindak sebagai agen perubahan yang sentiasa inovatif dalam rekabentuk projek dan dapat melaksanakan projek secara tidak terikat dengan kaedah tradisional sebaliknya mampu memperkenalkan kaedah paling efektif dan efisien.

## PENUTUP

Sebagai salah satu daripada agensi perlaksanaan projek yang terdapat di dalam TD, sejarah penglibatan RAJD dalam tugas projek sama ada semasa perang atau aman, bencana alam dan kekacauan awam adalah begitu terserlah sejak ditubuhkan. Status sebagai sebuah organisasi yang tidak membuat keuntungan, melihat RAJD memberi sumbangan yang begitu besar kepada masyarakat terutama untuk golongan yang kurang bernasib baik. Malah penglibatan RAJD dalam pembinaan projek-projek di peringkat nasional turut memberi sumbangan yang besar dalam membantu agenda pembangunan negara.

Terdapat pelbagai kekangan dan cabaran yang terpaksa dihadapi oleh terup-terup RAJD dalam melaksanakan projek-projek yang dipertanggungjawabkan. Masalah kelewatan menyiapkan projek dan mutu binaan yang rendah adalah di antara faktor yang menggambarkan terdapat kelemahan dalam pengurusan projek. Ironi punca kekangan dan cabaran mempunyai kaitan dengan budaya pengurusan yang lemah dan tidak berdaya saing walaupun terdapat pelbagai dasar dan polisi serta peraturan berhubung dengan perlaksanaan projek. Namun selaku organisasi yang berteraskan disiplin dan *mission oriented*, aspek *damage control* mempunyai ruang penambahbaikan yang luas dan agak mudah untuk diadaptasi sekiranya seseorang ketua projek dapat mengenalpasti punca masalah dan bertindak untuk menyelesaikannya sepantas mungkin.

Secara umumnya dalam Pengurusan Projek Jurutera tidak timbul masalah besar berhubung dengan laporan tinjauan atau CPM atau S Curve atau lain-lain perkara teknikal tetapi lebih mirip kepada kelemahan *affirmative action*. Kegagalan untuk merancang, membimbing dan mengawas dalam konotasi perlaksanaan adalah penyebab utama perjalanan pengurusan projek tidak begitu lancar. Justeru keprihatinan setiap pemerintah dalam mengurus projek-projek yang dipertanggungjawabkan kepada pasukan mereka adalah penting terutama berhubung dengan aspek perancangan awal. Walau bagaimanapun ketua projek merupakan individu yang paling penting kerana dilantik dan diamanahkan mengetuai projek tersebut serta bertanggungjawab secara langsung ke atasnya. Dalam perkara ini soal pendekatan kerja dan keperibadian ketua projek akan menentukan haluan projek itu dibawa. Mereka yang mengambil pendekatan agresif dan mempunyai usaha yang lebih berpeluang untuk menikmati kejayaan. Mereka yang cakna kepada perubahan dan keperluan serta mampu bertindak dalam masa yang sesuai akan dapat mengatasi segala rintangan.

Napoleon menyifatkan seseorang pemimpin dengan ungkapan *leader is a dealer of hope*<sup>4</sup>. Dalam hal ini ketua projek juga adalah seorang pedagang harapan, di mana pegawai atasan menyandarkan harapan kepada beliau sebelum projek bermula, anggota bawahan mengharapkan pimpinan yang terbaik semasa projek sedang berjalan dan sesudah selesai perlaksanaan projek, pengguna pula mengharapkan kualiti projek yang terbaik. Seumpama dalam perjuangan di medan perang, ketua projek perlu memiliki kebolehan untuk memimpin seluruh anggota dalam menggarnit impian yang diharapkan. Perkiraan keadaan yang tepat tentang fakta masa, penggunaan terup, peralatan kerja dan faktor cuaca bakal menentukan haluan perlaksanaan projek ke arah kejayaan. Bagi meneruskan cabaran RAJD di hari-hari yang mendatang, kelibat seorang ketua projek yang mempunyai jati diri yang kukuh dan memiliki sifat serta perwatakan *Engineer in mind and Infantry at heart* masih menjadi sandaran dan tetap relevan sejak dulu, kini dan selamanya.

<sup>4</sup> Matthews, Lloyd J. & Brown, Dale E. The Challenge of Military Leadership. Virginia: Pergamon-Braseys, 1989. P.23

**Bibliografi:**

Buku:

Chek Mat. *Kemahiran Memimpin*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2003.

Matthews, Lloyd J. & Brown, Dale E. *The Challenge of Military Leadership*. Virginia: Pergamon-Braseys, 1989.

Nanus, Burt & Dobbs, Stephen M. *Leaders Who Make A Difference*. San Franscisco: Jossey-Bass Inc. Publishers, 1999.

Sun Tzu, *The Art of War*. Boston: Shambala Publications Inc. 1988.

Internet:

<http://www.wikipedia/ the free encyclopedia/project management>



Mej Wan Ahmad Zamri bin Abdullah telah ditauliahkan ke dalam Rejimen Askar Jurutera DiRaja pada Mei 1982. Sepanjang perkhidmatan selama 25 tahun di dalam Angkatan Tentera Malaysia, di antara jawatan yang telah disandang adalah sebagai pemerintah di peringkat terup dan Skuadron RAJD, Jurulatih di MTD, ATMA dan IKEM, Pegawai Staf 2 Latih Jabatan Arah Jurutera dan terkini sebagai Pegawai Staf 2 Tek di MK RAJD (SP). Beliau juga pernah bertugas sebagai Pegawai Pemerhati dalam misi PBB UNIKOM di Iraq/Kuwait.